

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**Rabu, 31 Julai 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 peteng**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**KELULUSAN SARJANA/IJAZAH KEDOKTORAN (PH.D) -  
MENAMBAHKAN BILANGAN**

1. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan usaha untuk meramaikan kelulusan sarjana dan ijazah kedoktoran (Ph.D) di Malaysia memandangkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah pun memberhentikan pinjaman bagi mereka yang ramai ingin melanjutkan pengajian di luar negara.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, MARA tidak memberhentikan bantuan ataupun pinjaman kepada pelajar-pelajar yang layak termasuklah mereka yang ingin mengikuti pengajian ke peringkat Ijazah Lanjutan di dalam dan juga di luar negara. Walau bagaimanapun, bilangan mereka yang dibiayai di peringkat tersebut dikurangkan sedikit ekoran daripada masalah kewangan yang dihadapi oleh MARA baru-baru ini. Agensi tersebut telah membiayai seramai 155 orang bagi program Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran dalam tahun 1996 ini berbanding dengan 399 orang dalam tahun 1995. Walau bagaimanapun, pihak MARA bercadang untuk menambah kepada 250 orang dalam tahun 1997.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tempat mencukupi bagi anak-anak Malaysia untuk meneruskan pengajiannya di dalam ilmu kedoktoran yang boleh disediakan oleh MARA dan juga institusi-institusi pelajaran tinggi lain seperti kedoktoran biophysics, biochemistry, orthopedic, actuary, law, ussuluddin, astronomy dan master di dalam engineering?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya di samping MARA, JPA juga menghantar pelajar-pelajar untuk mengikuti ijazah di peringkat Sarjana dan juga Ijazah Kedoktoran. Mengikut maklumat yang telah diberi, Ijazah Lanjutan Perubatan yang ditekankan oleh Yang Berhormat tadi ada 311 telah dihantar oleh PJA pada tahun lalu. Dalam masa yang

sama, Kementerian Pendidikan juga menghantar pelajar-pelajar mereka ataupun mereka yang ingin menyambungkan mata pelajaran mereka di peringkat Sarjana dan juga Ph.D. Pada masa akan datang walaupun MARA tidak menyekat mereka untuk mengambil kelulusan di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran tetapi akan lebih menekankan kepada ijazah pertama.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan MARA mempunyai fungsi yang amat berat ke arah melahirkan ramai pelajar terutama sekali bumiputera di dalam bidang-bidang tertentu, berapakah jumlah pelajar-pelajar yang gagal dihantar ke luar negara akibat daripada kekurangan dana kewangan yang diperuntukkan kepada MARA dan apakah alternatif yang diberikan kepada mereka yang hampa untuk pergi ke luar negara ini?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah angkanya saya akan jawab secara bertulis, tetapi memang ramai mereka yang tidak dapat dihantar ke luar negara selepas MARA mengalami krisis kewangan baru-baru ini, walau bagaimanapun, hanya mereka yang mendapat CGPA yang lebih daripada 3 sahaja. bermakna pelajar-pelajar yang kita hantar selepas pada bulan Julai baru-baru ini adalah merupakan pelajar-pelajar yang lebih baik kualitinya. MARA tidak akan mengabaikan harapan dan cita-cita anak bangsa bumiputera kepada MARA dan akan sentiasa memastikan yang mereka akan diambil kira.

### **HARGA BARANG NAIK - PEMAHAMAN PENGGUNA**

2. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sejauh manakah pihak kementerian mengambil langkah untuk membantu semua pihak terutama pihak pengguna memahami mekanisme sebenar kenaikan harga barang; dan
- (b) bagaimanakah pihak kementerian dapat mengelakkan perasaan tidak puas hati pengguna terhadap kenaikan harga barangan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) penerangan meluas melalui media massa dan ceramah-ceramah telah dibuat mengenai kedudukan bekalan dan harga barangan bagi memperluaskan lagi pemahaman mengenai sebab-sebab kenaikan harga barangan. Kementerian dengan kerjasama

Kementerian Penerangan sedang mengatur majlis penerangan kepada pegawai-pegawai penerangan negeri. Sesi penerangan yang pertama akan diadakan di Kota Kinabalu pada 10 Ogos 1996.

- (b) tanggungjawab kementerian ialah menentukan sebarang kenaikan harga mempunyai asas-asas yang kuat dan kenaikannya adalah munasabah. Dan tanggungjawab pengguna ialah menguruskan perbelanjaan dengan bijak serta bertindak dengan rasional semasa berbelanja.

**Tuan Ng See Tiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah pihak kementerian kurang berkesan bagi mengesan kekurangan bekalan barangan pengguna dan mengapakah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu soalan sudah.

**Tuan Ng See Tiong:** Sama juga ada berkaitan, adakah oleh kerana kesilapan maklumat yang diberikan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian ini sentiasa mengambil langkah-langkah yang positif untuk memastikan bekalan barangan yang mencukupi. Kementerian ini misalnya telah mengawal bekalan 20 jenis barangan keperluan pada sepanjang tahun dan tambahan lagi 25 jenis barangan untuk semasa musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Untuk menentukan bahawa bekalan barangan keperluan mencukupi dan harganya adalah berpatutan dan kementerian ini juga sentiasa mengadakan dialog-dialog dengan pengilang, pengimport, peniaga untuk mendapatkan maklumat supaya tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya peniaga atau pengilang-pengilang menghadapi masalah. Di samping itu,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa dah jawab soalan itu. Ya Tuan Yim... ya.

**Datuk Tan Chai Ho:** Dan lain-lain langkah pun telah dijalankan. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Yim, sila.

**Tuan Yim Chee Chong:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui apakah barang-barang yang turun harganya? Sekarang kerajaan sedang melawan inflasi tetapi banyak barang sudah naik harga, roti canai pun sudah naik harga, apakah 'balang' yang turun harganya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, 'balang-balang' yang turun?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang sangat menarik! *[Ketawa]*. Biasa orang ramai tanya, apa jenis barang yang naik harga? Sekarang Yang Berhormat tanya, apa barangan yang diturunkan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan indeks harga pengguna iaitu IHP, didapati semenjak tiga tahun kebelakangan ini, kumpulan pakaian dan kasut adalah barang yang harganya diturunkan kerana pada tahun 1994 sebanyak 0.7% harga pakaian dan kasut diturunkan dan pada tahun 1995, harganya adalah stabil, ini bermakna harganya dikekalkan. Pada tahun ini iaitu dari Januari hingga Jun sebanyak 0.8% harga kumpulan ini diturunkan.

### **JALAN DI FELDA - MENAIKKAN TARAF**

3. **Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan setakat ini berapa banyakkah jalan-jalan di Kawasan FELDA yang dinaikkan taraf (bertar).

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Soalan No. 3 dengan sedikit pembetulan iaitu dikeluarkan perkataan 'keluar'.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 3,987 kilometer daripada 5,016 kilometer jalan di kawasan FELDA telah diturap. Daripada jumlah tersebut, sepanjang 1,461 kilometer adalah jalan masuk, manakala 2,516 kilometer adalah jalan kampung.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya membangkitkan perkara ini, ingin bertanya kepada pihak kementerian kerana jalan-jalan yang dibuat kebanyakan tidak mengikut spesifikasinya. Dia taruh 'kerosene', tar, 'chipping' langsung jadikan jalan, maka jalan ini tidak tahan lama. Adakah standard jalan ini sama dengan yang dilakukan oleh KJR?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, semua jalan yang dilaksanakan oleh pihak FELDA adalah berdasarkan kepada piawaian JKR, mungkin Yang Berhormat mengutarakan jalan-jalan yang belum dinaik taraf. Sesungguhnya, untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, ketika ini lebih kurang hanya 76, 78 peratus sahaja jalan yang telah diturap sepenuhnya, kita masih ada lagi ruang iaitu 24, 22% yang masih belum dinaikkan taraf. Tahun ini satu peruntukan sebanyak RM30 juta telah diperolehi dan akan menaikkan taraf sebanyak 198 kilometer lagi dan saya percaya mungkin ini akan termasuk dalam kawasan Yang

Berhormat tegur. Namun demikian, saya mengharapkan kalau sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Negara khususnya yang merasakan ada jalan FELDA yang perlu dibaiki ada baik juga Yang Berhormat memberitahu kami, insya-Allah, kami akan baiki.

#### **ROAD BULLIES - BILANGAN KES**

4. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kes yang melibatkan pergaduhan akibat kemalangan (road bullies) di negara ini semenjak Januari 1996. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk mengelakkan pergaduhan 'road bullies' di negara ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semejjak Januari 1996 sehingga bulan Jun 1996, jumlah kes mengenai keganasan di jalan raya di negara kita ialah sebanyak 137 kes iaitu satu kenaikan 41.6% berbanding tahun lalu. Dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi gejala keganasan jalan raya ini adalah seperti berikut:

Pertama, keganasan jalan raya merupakan satu perbuatan jenayah maka hukuman yang dikenakan adalah di bawah Kanun Keseksaan. Umpamanya, di bawah seksyen 326 Kanun Keseksaan; seseorang pesalah boleh dikenakan hukuman penjara hingga 20 tahun dan didenda atau dikenakan sebatan jika sabit dengan kesalahan tersebut. Oleh itu, dengan pengetahuan bahawa keganasan jalan raya adalah perbuatan jenayah maka adalah diharapkan pengguna-pengguna jalan raya lebih berdisiplin, bertanggungjawab dan bertolak ansur semasa di jalan raya dan dengan demikian mengelakkan dari berlakunya kejadian keganasan ini.

Jawapan kepada soalan kedua. Mengadakan sesi-sesi perbincangan dengan pihak-pihak yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam perkara ini bagi merangka program tindakan ke arah menangani isu keganasan di jalan raya. Termasuklah program, ceramah-ceramah, kempen-kempen dan khidmat nasihat. Brainstorming yang baru diadakan adalah pada 19 Julai 1996 yang lepas.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Terima kasih. soalan tambahan. Adakah kementerian mengkaji sebab-sebab mengapa berlaku kejadian keganasan dan berapa ramai yang telah dihukum mereka yang melakukan keganasan setakat sekarang ini?

**Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd. Rustam:** Dalam brainstorming pada 19 Julai yang lepas, pakar-pakar telah menyatakan bahawa antara faktor yang

menyebabkan road bully ini adalah pertamanya kerana stress ataupun stress negara ini apa cakup melayunya...*[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tekanan jiwa.

**Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd. Rustam:** Tekanan jiwa. Kadang-kadang Bahasa Inggeris terlebih sedikit, minta maaf. Kerana berlakunya kemalangan, berlanggar sedikit daripada belakang dengan kereta yang di depan. Yang keduanya, trafik jam dan juga perangai beberapa pemandu yang tidak senonohlah di jalan raya dan sebagainya. misalnya, memandu dengan cara main-main, suka potong memotong dan sebagainya. Manusia yang biasa, dia tahu untuk mengawal dirinya tetapi apabila mereka berada di stering kereta nampaknya suasana biasa tidak dapat dikawal kerana itu kita dapati banyak pemandu telah mengambil tindakan-tindakan sendiri yang akibatnya menyebabkan pergaduhan. Biasanya perkara bergaduh ini boleh berlaku oleh kerana tidak ada pihak yang terlibat yang ingin mengalah misalnya kalau yang pertama tertentu menunjukkan penumbuk, yang kereta yang lagi sebelah pun juga menunjukkan penumbuk. Jadi, oleh kerana tidak ada yang mahu mengalah akhirnya salah seorang akan keluar, jadi yang kedua pun ingin keluar juga dan akhirnya bertengkar dan dua-dua bertengkar dan mungkin akhirnya mengakibatkan siapakah yang lebih kuat di jalan raya. Ini adalah merupakan punca utamanya. Tetapi sekiranya salah seorang ingin mengambil sikap yang lebih dingin, sanggup bersabar, maka kes ini boleh dielakkan. Inilah yang merupakan punca mengapa berlakunya pergaduhan. Kadang-kadang mereka yang mendapat kecederaan yang lebih belum tentu mereka ini merupakan orang yang baik. Kadang-kadang mereka yang terlebih cedera itu, merekalah yang memulakan dan inilah kes-kes yang telah dapat dikesan oleh pihak pakar dan telah pun didedahkan dalam perbincangan.

Oleh yang demikian, kementerian berpendapat kita perlu mengadakan banyak pendekatan supaya pengguna-pengguna jalan raya boleh mengawal perasaan mereka ketika memandu. Kerana sebab itu, dalam brainstorming kita telah meminta kerjasama daripada semua pihak pemandu sendiri dan juga telah meminta jasa baik daripada media massa supaya kes-kes dan juga sebab-sebab serta kaedah-kaedah untuk mencegahnya dapat disebar dengan lebih meluas di dalam media massa supaya dapat menjadi panduan kepada orang ramai dan kementerian merasa puas hati di atas sokongan dan juga bantuan daripada media massa yang telah diberikan pada masa ini.

Berkaitan dengan berapakah jumlah mereka yang telah dibawa ke mahkamah pada tahun lepas, mengikut rekod empat kes telah pun dibawa ke mahkamah pada tahun 1996. Apakah hukumannya? Yang ini saya perlu mendapat notis.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian dapat kajian psychoanalysis kes road-bully yang teruk begitu? Maknanya, tahukah macam mana kita mengatasi mental health mereka?

**Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd. Rustam:** Memang kementerian telah pun mengenal pasti. Antaranya ialah psiko iaitu fikiran yang terganggu. Tetapi nampaknya mereka yang terlibat dalam isu-isu sebegini tidak semestinya boleh melakukan tindakan psycho yang tidak menentu di atas jalan. Kadang-kadang kita lihat juga yang terlibat tidak kira had umur dan tidak kira juga status dan tidak juga mengira pendidikan mereka. Daripada kes-kes yang telah dilaporkan, psycho di atas jalan raya ini orang yang pangkat tinggi pun terlibat, pangkat rendah pun terlibat, pendidikan rendah pun terlibat, pendidikan tinggi pun terlibat. Jadi, ini boleh dikatakan psiko jalan rayalah, yang mana tidak mengira kedudukan dan tidak mengira status. Kerana itulah kita dapati bahawa kes-kes yang begini merupakan satu perkara yang amat membimbangkan dan kementerian mempunyai cadangan supaya kempen-kempen untuk mengatasinya termasuk juga penggunaan kaunseling akan dilakukan pada masa yang hadapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini termasuk tunjuk penumbuk ini.

#### PEKERJA DIBERHENTI KERJA - JUMLAH

5. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan dari Januari hingga kini berapa ramaikah pekerja yang diberhentikan kerja oleh majikan terutama dalam bidang kilang elektronik.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh dari Januari sehingga Jun tahun ini, Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia mencatatkan seramai 4,861 orang pekerja dalam sektor elektronik yang telah diberhentikan akibat penutupan syarikat-syarikat berkenaan. Angka tersebut adalah berasaskan kepada tuntutan yang dibuat di Mahkamah Buruh oleh pekerja-pekerja yang telah diberhentikan dan mereka telah pun diberi pampasan yang sewajarnya mengikut Undang-undang Buruh negara.

Walau bagaimanapun, angka tersebut tidak memaparkan jumlah sebenar pekerja-pekerja yang terbabit kerana syarikat-syarikat yang memberhentikan operasi

dan menghentikan perkhidmatan pekerja-pekerja mereka boleh berbuat sedemikian tanpa melaporkannya kepada kementerian ini. Sesebuah syarikat yang memberhentikan operasinya atas sebab apa jua pun adalah diwajibkan membayar pekerja-pekerja yang dihentikan faedah-faedah renti kerja dan lain-lain faedah statutori yang dinyatakan dalam Undang-undang Buruh negara. Para pekerja yang tidak dibayar sebarang pampasan ataupun berasa kurang puas hati dengan jumlah pampasan yang dibayar boleh membuat laporan secara perseorangan ataupun secara berkumpulan di Pejabat Buruh yang berhampiran untuk perkara itu disiasat. Justeru itu, selagi kementerian ini tidak menerima apa-apa aduan atau tuntutan daripada pekerja-pekerja termasuk maklumat-maklumat dari sumber-sumber lain, maka bolehlah dianggapkan bahawa pekerja-pekerja yang diberhentikan akibat penutupan kilang tertentu itu telah dibuat secara teratur dan mengikut undang-undang perburuhan di negara ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana saya bangun banyak nilai, mungkin Tuan Yang di-Pertua, tidak nampak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ramai orang bangun, bukan tidak nampak. Bangkitkan aberi peluang seluas mungkin.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sekiranya pihak kementerian mengetahui bahawa banyak kilang yang terpaksa tutup dan dengan sendirinya bermakna pekerja-pekerja juga terpaksa diberhentikan. Adakah pihak kementerian mempunyai langkah-langkah untuk membantu pekerja-pekerja ini misalnya menetapkan kilang-kilang ini memberi notis sekian-sekian waktu dahulu, selepas itu kementerian juga mempunyai satu tabungan khas bagi membantu pekerja-pekerja ini dan mencari tempat-tempat kerja baru yang sesuai supaya masalah pekerja ini tidak menjadi masalah sosial pula?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada masalah mencari daftar diri dengan Jabatan Pekerjaan di Jabatan Tenaga Rakyat, maka kita boleh mendapatkan kerja ganti boleh dikatakan dalam masa yang paling singkat. Malah kita jangan lupa pada ketika ini ada lebih kurang 2 juta pekerja asing di negara kita ini. Kalau perlu sangat, maka sudah tentulah orang ini boleh kita suruh keluar dan digantikan dengan pekerja-pekerja kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pemilihan saya bagi sesiapa yang hendak bertanya itu, kita menggunakan kriteria kadang-kadang pembahagian parti, kemudian pembahagian geografi, kemudian pembahagian jantina -



itulah. Jadi, kalaulah banyak sangat di sini, saya tengok di sana pula. Macam itulah. Saya nampak di sini. Cukup nampak. Jadi, janganlah terasa hati. Ya, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim. Kalau sudah seorang sahaja bangun, senang pula.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pampasan yang dibayar kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan itu dibuat dalam tempoh masa yang dapat memberikan kebajikan kepada pekerja-pekerja? Maksud saya adakah terlewat atau tidak?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, itu memang bergantung kepada keadaan syarikat itu. Kalau keadaan syarikat itu memang menghadapi masalah kewangan yang teruk, sudah tentu akan terdapat kelewatan dan sebagainya. namun demikian, kalau ada pekerja-pekerja yang rasa tidak puas hati tentang pembayaran pampasan ini terlambatkan ataupun berkurangan dan sebagainya, maka mereka boleh lapor bila-bila masa dengan Jabatan Buruh dan pegawai kita akan pergi serta merta untuk menyasatkan perkara ini.

## **GURU SAINS DAN KOMPUTER KURANG – CARA MENGATASI**

**6. Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak kementerian bercadang mengadakan kelas-kelas Sains dan Matematik dengan menggunakan video dan komputer untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru Sains dan Matematik.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang ada menggunakan program video dan komputer sebagai alat bantu dalam mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mata-mata pelajaran Sains dan Matematik.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan berpendapat pada masa ini, program video dan komputer belum boleh menggantikan peranan guru sepenuhnya dan seterusnya untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru Sains dan Matematik.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada kementerian, jika tidak dapat menggantikan guru, adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan video dan komputer sebagai media untuk Pendidikan Jarak Jauh?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang perkara ini bukan sahaja dalam program Kementerian Pendidikan, tetapi sedang digunakan oleh universiti-universiti tempatan, contohnya USM, UKM dan sebagainya untuk

melaksanakan Pendidikan Jarak Jauh. Dalam konteks itu juga selain dari penggunaan program video dan komputer, kita juga mengumpulkan pelajar-pelajar di pusat-pusat regional centre, dengan izin, supaya pelajar-pelajar tersebut dapat berinteraksi dengan pensyarah-pensyarah.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah lama difahamkan bahawa kekurangan guru berlaku dalam subjek Sains dan Matematik, kita juga telah mendengar pelbagai cara telah diusahakan.

Saya ingin menyoal adakah kementerian bercadang untuk mengambil guru-guru sukarela dari luar negara yang mempunyai ilmu Sains dan Matematik sepertimana yang biasa dilakukan dalam satu cadangan saya supaya diambil secara sukarela ‘American peace-corps’ seperti masa yang dahulu?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada satu cadangan yang Kementerian Pendidikan boleh timbangkan khususnya dalam mata pelajaran-mata pelajaran seperti bahasa Inggeris, di mana kita boleh gunakan tenaga-tenaga negara asing di mana tidak melibatkan bahasa dan sebagainya.

Dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, memang kita gunakan kalau ada guru-guru asing yang ingin berkhidmat secara volunteer, dengan izin, kita akan timbang. Dalam mata pelajaran Sains dan Matematik – itu susah sedikit, kerana selain dari bahasa kita perlu guru-guru tersebut juga fasih dalam Bahasa Malaysia kerana bahasa pengantar kita ialah dalam Bahasa Malaysia. Namun demikian, kita akan timbang cadangan itu khususnya dari segi menggunakan guru-guru pakar tersebut sebagai trainer untuk latihan.

Cara yang Kementerian Pendidikan melaksanakan untuk mengatasi masalah kekurangan guru Sains dan Matematik ialah untuk memperluaskan calon-calon yang akan diberi peluang memasuki maktab perguruan. Contohnya, pada tahun ini lebih dari 50% calon-calon yang kementerian Pendidikan ambil untuk memasuki maktab perguruan ialah di bidang Sains dan Matematik dan jumlah adalah lebih kurang 6,000 orang.

#### **FAMA – JUMLAH PENDAPATAN MELALUI PASAR TANI**

7. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyakkannya jumlah pendapatan yang diusahakan oleh FAMA menguruskan jualan hasil pertanian melalui pasar tani, melalui bantuan FAMA ke lain-lain pasaran.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato’ Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pasar tani yang beroperasi di seluruh negara

adalah sebanyak 157 buah dengan bilangan peserta/peniaga yang terlibat adalah seramai 5,000 orang. Jumlah nilai jualan yang dikendalikan melalui pasar tani daripada penubuhannya pada tahun 1985 hingga tahun 1995 adalah sebanyak RM561.45 juta. Untuk tahun 1995 sahaja nilai jualan telah mencapai RM97.94 juta.

Dari segi bantuan FAMA ke lain-lain pasaran, kementerian ini tidak mempunyai data pendapatan peserta/peniaga yang terlibat kerana bantuan FAMA ke lain-lain pasaran hanyalah dari segi program pendidikan pasaran, kemudahan maklumat pasaran dan sebagainya kepada petani/peniaga/peserta.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian mengambil kira kualiti jualan hasil pertanian di pasar tani?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu yang kita usahakan, tetapi dikaitkan dengan kualitinya, harga pasarannya dan mutunya. Memanglah kita mendapati selalu berlaku di mana bekalan pertanian tidak mencukupi sangat disebabkan faktor cuaca, musim dan masalah pengeluaran, kesan pemilihan serta kepelbagaian jualan barangan di pasar tani – itu adalah masalah yang besar.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian Pertanian menjual barangan kita ke negara lain, maknanya mengeksport barang-barang, negara mana yang banyak menerima barang-barang kita misalnya sayur-sayuran dan sebagainya?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita menjual barang-barang keluaran negara, misalnya buah-buahan kita eksport kepada negara Jepun, Taiwan dan juga Timur Tengah. Dari segi sayur-sayuran pula memang kita pasarkan ke Singapura.

## **SYARIKAT ASING DAN MODAL PASARAN - JUMLAH**

**8. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah syarikat asing dan modal pasaran (market capitalization) yang telah dikenal pasti dikuasai oleh rakyat Malaysia yang akan dipertimbangkan untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL); dan
- (b) bilakah pasaran urusniaga di luar kaunter (OTC) akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan kesannya kepada pasaran kewangan negara.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bursa Saham Kuala Lumpur tidak mempunyai rekod mengenai jumlah syarikat asing dan modal pasaran yang telah dikenalpastikan dikuasai oleh rakyat Malaysia untuk disenaraikan.
- (b) Suruhanjaya Sekuriti sedang meneliti dan mengkaji pelaksanaan pasaran di atas kaunter (OTC) di Malaysia. Pada dasarnya, tujuan utama pasaran OTC akan diwujudkan ialah mendalamkan dan membangunkan pasaran modal tempatan. Pada peringkat permulaan, pasaran itu disediakan untuk membolehkan syarikat kecil dan sederhana khususnya syarikat yang berteknologi tinggi disenaraikan. Disebabkan OTC masih dalam peringkat kajian, Suruhanjaya Sekuriti tidak dapat memberi butir-butir lanjut mengenai tarikh ianya akan dilancarkan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya hendak bertanya berkenaan dengan bursa saham, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini, mengapa kebelakangan ini saham menjunam sampai 30 c.p.i?

**Tuan Yang di-Pertua:** C.p.i. itu apa?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu soalan yang susah hendak dijawab. Kalau saya dapat jawab soalan ini mungkin ramai orang akan menjadi jutawan di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa hendak jadi 'jutawan' boleh buat soalan tambahan.

#### **TABUNG USAHAWAN BARU – JUMLAH DIKELUARKAN**

**9. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah yang telah dikeluarkan oleh kementerian daripada Tabung Usahawan Baru. Minta nyatakan juga perancangan kementerian di dalam mengendalikan tabung tersebut dan syarat-syarat pengeluarannya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:**  
Tuan Yang di-Pertua, Tabung Usahawan Baru dikendalikan oleh Kementerian Kewangan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Yang Berhormat ....

**Tuan Idris bin Jusoh:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** ..... Soalan ini dituju kepada Menteri Kewangan, adakah Yang Berhormat minta kebenaran untuk menjawab bagi pihak Menteri Kewangan?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini, kalau ditinjau dari segi kandungannya adalah ditujukan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah, kalau boleh buat statement sedikit fasal untuk rekod.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Boleh jawab ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Okay, saya mulakan balik. Tuan Yang di-Pertua, Tabung Usahawan Baru dikendalikan oleh Kementerian Kewangan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam inilah, untuk rekod .....

**Tuan Idris bin Jusoh:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mengambil .....

**Tuan Idris bin Jusoh:** Okay, izinkan saya jawab bagi pihak Kementerian Kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** ..... Ataupun sepertimana yang Dato' itu kata tadi, soalan ini sebenarnya relevan kepada kementerian Yang Berhormat. Itu sahaja. Sila.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, Tabung Usahawan Baru dikendalikan oleh Kementerian Kewangan melalui Bank Negara Malaysia. Setakat ini dana diluluskan oleh kerajaan bagi tabung ini adalah berjumlah sebanyak RM750 juta. Tabung ini dilaksanakan sebagai satu tabung pusingan.

Sehingga 30 Jun 1996 sebanyak RM729,464,818 telah dapat dikeluarkan. Memandangkan tabung ini adalah tabung pusingan, sumber pembiayaan baru adalah bergantung kepada pembiayaan balik oleh peminjam-peminjam.

Oleh kerana sambutan yang diberikan terhadap tabung ini adalah sangat menggalakkan dan dana yang diperuntukkan telah pun digunakan sepenuhnya, maka pihak kerajaan sedang membuat kajian sama ada peruntukan tambahan dana adalah perlu atau sebaliknya.

Berhubung dengan syarat-syarat pengeluaran pinjaman, syarat-syarat ialah seperti berikut:-

- (a) permohonan memenuhi syarat-syarat pinjaman iaitu syarikat adalah milik penuh bumiputera yang menceburi bidang perniagaan bersaiz kecil dan sederhana;
- (b) pinjaman tidak melebihi RM2 juta;
- (c) pinjaman dikenakan faedah 5% setahun dan tempoh maksimum pinjaman ialah 8 tahun;
- (d) permohonan telah diluluskan oleh bank-bank yang mengambil bahagian dan seterusnya pengeluaran pinjaman adalah hanya untuk 85% daripada kos projek; dan
- (e) pengeluaran pinjaman adalah mengikut fasa pelaksanaan projek.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat maklumat dari kementerian, semenjak peruntukan ini dikeluarkan iaitu Tabung Usahawan Baru ini adakah pihak kementerian telah menjalankan pengesanan dan penilaian ke atas projek-projek yang dilaksanakan dan bagaimanakah kesan daripada peruntukan yang diberi sama ada kepada pihak kerajaan sendiri dalam mendapatkan kembali kutipan pinjaman ini dan juga kepada usahawan-usahawan yang mendapat bantuan melalui Tabung Usahawan Baru ini?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Setakat ini kajian masih lagi di dalam peringkat penyelidikan dan selepas siap nanti, saya akan kemukakan laporan itu kepada Yang Berhormat.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ingin membuat sedikit pembedaan. Soalan asal saya ditujukan kepada Menteri Pembangunan Usahawan sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ah, jadi?

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Jadi, saya juga ingin membuat soalan tambahan, adakah kerajaan setakat ini peka terhadap wujudnya usahawan baru yang tulen, yang benar-benar berusaha terutamanya di kalangan usahawan muda yang wajar diberi bantuan tetapi tidak sedar di atas langkah kerajaan ini. Jika peka, apakah tindakan yang telah dijalankan supaya usahawan jenis ini diberi dedahan dan sokongan yang diperlukan?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, memang sebenarnya kementerian peka tentang perlunya diwujudkan usahawan baru yang tulen terutama yang muda-muda dan untuk ini jika kita mengadakan beberapa program, untuk

pinjamannya yang kurang daripada RM50,000 kita mengadakan program Small Entrepreneur Financing Fund (SEFF) yang akan dilancarkan tidak berapa lama lagi dan untuk program yang lebih besarnya ada program-program pembiayaan yang lebih lengkap.

Kementerian juga menjalankan program berpakej yang mana bukan hanya setakat memberi pinjaman kewangan tetapi juga latihan, pemasaran dan premis juga disertakan supaya lengkap bantuan-bantuan yang boleh diberi oleh kementerian.

### **PUSAT PELANCONGAN DAN TEMPAT REHAT DI SEPANJANG LEBUH RAYA – PENJAGAAN KEBERSIHAN**

**10. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk menjaga kebersihan pusat-pusat pelancongan serta tempat-tempat rehat di sepanjang lebuhraya di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, penjagaan kebersihan pusat pelancongan adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, kementerian sememangnya mengambil perhatian yang tegas terhadap kebersihan pusat-pusat dan tempat-tempat pelancongan di seluruh negara. Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi menjaga pengindahan dan kebersihan di tempat-tempat pelancongan ialah seperti pembekalan jentera pembersih pantai, pembekalan jentera pembersih air untuk membersihkan kawasan sungai dan tasik, penyediaan dan pemasangan sistem kumbahan, penyediaan tandas-tandas awam dan penyediaan tempat-tempat pembuangan sampah kepada pihak-pihak berkuasa tempatan di mana terdapatnya tempat-tempat pelancongan.

Mengenai kebersihan tempat-tempat rehat di sepanjang lebuhraya, ianya adalah di bawah tanggungjawab pihak PLUS. Kementerian dimaklumkan bahawa pihak PLUS memang mengambil berat mengenai aspek kebersihan di tempat-tempat tersebut.

Walaupun bagaimanapun, perlu ditekankan di sini bahawa sikap orang ramai terhadap penjagaan kebersihan tempat-tempat pelancongan dan tempat-tempat rehat adalah penting. Dan kementerian mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan orang ramai supaya menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan tersebut sebaik mungkin dan bersama-sama menjaga kebersihan terutamanya di tempat-tempat pelancongan di seluruh negara.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian sedar bahawa mutu kebersihan dan keadaan keselesaan di tempat-tempat rehat dan pusat-pusat pelancongan di sepanjang lebuh raya sehingga hari ini sudah pun merosot dan banyak kompelin-kompelin yang kita dengar daripada orang-orang yang singgah di tempat itu. Salah satunya dalam surau, kalau kita pergi melihat di waktu malam, banyak orang tidur di situ, busuk berbau peluh, kita hendak sembahyang, hendak buat ibadah pun kadang-kadang rasa susah, dalam tandas pula selalu rosak. Dan kita tahu tabiat orang-orang Malaysia ini kalau tidak ada orang yang enforce, penguatkuasaan menolong jaga, benda itu tak boleh berlaku. Jadi, oleh kerana tanggungjawab lebuh raya PLUS yang kita swastakan dan mereka ini mendapat keuntungan, selepas ini hendak penaik pula, jadi, apakah yang kita katakan tadi perkhidmatan PLUS itu sudah memuaskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalnya?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Soalnya, pihak kementerian ada kaitan, jadi, sepatutnya dia kena buat surat beritahu kepada PLUS keadaan yang semacam itu. Soalnya, apakah langkah kementerian dalam masalah ini? *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, memang dalam perbincangan bersama di antara pegawai-pegawai dari setiap kementerian, soal masalah kebersihan kita sentiasa bangkitkan dan malangnya masalah-masalah khusus ini kadang-kadang kita tidak dapat makluman yang tepat. Jadi, salah satu makluman yang baru kita terima ialah dari Ahli Yang Berhormat sendiri, insya-Allah, saya akan turunkan kepada pegawai supaya ianya dipandang lebih teliti. Kalau boleh perhentian yang mana satu yang berlaku demikian?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, kalau boleh minta pegawai itu sendiri pergi melawat, saya datang dengan kereta, saya berhenti di sepanjang jalan sebab itulah saya tahu!

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Ya, kalau kita hendak pergi melawat semua, Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup pegawai.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi telah dikatakan kita kurang penguatkuasaan dan pegawai untuk menguatkuasakan untuk menjaga kebersihan. Jadi, soalan saya ialah adakah pihak kementerian mahu memikirkan untuk mewujudkan ataupun untuk memperkenalkan satu konsep 'citizen arrest' untuk dapat rakyat biasa membantu menjaga kebersihan, kerana kita tahu kalau



ramai sangat orang di keliling itu membuang sampah dan sebagainya, kalau tidak ada orang hendak menjaga, memang tidak terjaga. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bolehlah juga saya cuba menjawab beberapa soalan yang terlibat sedikit-sedikit dengan pelancongan bagi pihak kementerian lain. Tetapi untuk menjawab secara khusus, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok soalan-soalan itu ditujukan kepada kementerian-kementerian yang bersangkutan, yang berkenaan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. adakah pihak kementerian menyimpan rekod tempat-tempat pelancongan yang tidak bersih? Dan apakah langkah-langkah yang membolehkan tempat-tempat ini dapat dibersihkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua soalan itu, ada atau tidak rekodnya dan bagaimana?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti, kalau ada pun rekod menunjukkan tahap kebersihan sesuatu tempat pelancongan itu, kita takut kita tidak mempunyai rekod yang lengkap mengenai semua tempat pelancongan. Walau bagaimanapun, sepertimana yang terkandung dalam jawapan asal tadi, kita cuba memberi kerjasama dengan membekalkan alat-alat dan kemudahan-kemudahan kepada pihak-pihak kerajaan tempatan untuk menjaga kebersihan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Daud.

**Tuan Tan Son Lee:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

#### **GURU KELULUSAN SPM – MENYERAPKAN KE TARAF DIPLOMA**

11. **Tuan Tan Son Lee [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan kementerian kepada guru-guru lepasan maktab yang berkelulusan SPM tetapi tidak dapat berpeluang untuk mengikuti kursus diploma disebabkan umur yang telah melebihi dan apakah kementerian ada cadangan untuk menyerapkan guru-guru tersebut kepada taraf diploma.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menyerapkan guru-guru keluaran maktab perguruan ke taraf diploma masih dalam pertimbangan kerajaan.

#### **PELUMBA BASIKAL – LANGKAH MENGATASI KEMALANGAN**

12. **Tuan Itam Wali bin Nawaw** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bahawa sering terdapat ahli-ahli sukan lumba basikal terlibat dalam kemalangan jalan

raya semasa latihan. Apakah tindakan kementerian seterusnya untuk mengelakkan kemalangan ini berlaku berterusan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa ahli-ahli sukan lumba basikal sering terlibat dalam kemalangan jalan raya semasa latihan. Walau bagaimanapun, terdapat kejadian-kejadian tertentu sahaja di mana ahli-ahli sukan lumba basikal kita pernah mengalami kemalangan semasa latihan. Kejadian kemalangan ini hanya kadangkala sahaja dan ini tidak boleh dielakkan kerana terdapat keadaan di luar kawalan pelumba-pelumba atau pegawai-pegawai. Namun demikian, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengingatkan persatuan-persatuan lumba basikal di peringkat kebangsaan dan negeri serta pelumba-pelumba sendiri untuk berjaga-jaga dan mengambil langkah-langkah keselamatan yang lebih semasa latihan.

Antara langkah-langkah ini adalah untuk mengadakan latihan di jalan raya luar yang tidak begitu sibuk, menggunakan pegawai-pegawai pengiring yang lebih dan pertolongan khidmat polis, khususnya apabila terdapat ramai pelumba yang menjalani latihan.

#### **GERAKAN MAKSIAT – TINDAKAN UNDANG-UNDANG**

13. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:
- (a) mengikut laporan media elektronik dan media cetak, pihak yang diberi kuasa sentiasa membuat tangkapan di bawah Gerakan Maksiat seperti di pusat hiburan, rumah-rumah urut dan tempat-tempat lain di bandar Kuala Lumpur dan adakah tangkapan ini sampai kepada tujuan, matlamat gerakan tangkapan ini dan di bawah seksyen undang-undang manakah hukuman dikenakan; dan
  - (b) berapa ramai yang sudah ditangkap sejak Januari 1996 dan majoriti tangkapan terdiri daripada golongan manakah; dan apakah langkah-langkah berterusan dicadangkan bagi membanteras gejala ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Usaha untuk menghapuskan kegiatan maksiat adalah satu usaha yang berterusan. Tindakan menangkap dan mendakwa mereka yang terlibat dalam kegiatan ini akan sentiasa dibuat bagi membendung kegiatan-kegiatan mereka. Lazimnya tindakan yang diambil adalah di bawah Akta Pelindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Imigresen 1963 bagi warganegara asing

manakala penganjur tempat-tempat maksiat pula diambil tindakan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933.

- (b) Semenjak Januari hingga Julai 1996 pihak polis telah mengadakan 4,957 kali serbuan di seluruh negara termasuk 1,533 serbuan di sekitar Kuala Lumpur. Tindakan ini telah berjaya menangkap seramai 52 orang penganjur maksiat, 81 orang gadis di bawah umur serta 720 orang pelacur asing. Kesemua gadis di bawah umur dihantar ke Pusat Pemulihan Akhlak dan pelacur asing dihantar pulang ke negara masing-masing, manakala penganjur tempat-tempat maksiat dikenakan perintah sekatan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, tidakkah kita ada cara atau satu mekanisme untuk mengetahui perempuan-perempuan yang datang daripada luar negeri yang masuk ke negara kita ini melalui imigrasi-imigrasi yang tertentu tahu bahawa mereka ini adalah pelacur?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, setiap hari beribu-ribu pelawat keluar masuk di pintu imigrasi kita, memang sukar untuk kita kenal pasti tetapi Pegawai Imigresen yang sudah berpengalaman di pintu-pintu masuk mereka sentiasa boleh agak-agak, apabila nampak seseorang gadis itu.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun dan berjalan keluar]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, nanti, tunggu sekejap.....teruskan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Seseorang gadis dari luar itu kalau nampaknya ada syak wasangka sedikit, mereka akan disoal siasat. Berapa banyak wang mereka bawa dan datang ke Malaysia hendak duduk di mana, hendak pergi melancong ke mana? Beberapa soalan itu boleh mendedahkan orang yang hendak masuk ke Malaysia itu. Apabila dia tidak membawa wang yang secukup, dia tidak tahu di mana duduk, selalunya dia tidak beri dia masuk. Terus berhentikan dia di pintu masuk tetapi ini tidak guna untuk semua orang, hanya sekali-sekali, apabila kita syak baru pegawai Imigresen berbuat demikian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cadangkan minta kerjasama Dato' Zuki, beliau mungkin banyak pengalaman. Bukanlah pengalaman yang tidak baik, pengalaman mengenali rupa orang.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya bagaimana Tuan Yang di-Pertua tahu? *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal Dato' Zuki yang bertanya tadi.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan pengalaman yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi saya ada soalan tambahan. Jadi, saya tanya sekalilah. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian dapat kenal pasti sebab-sebab yang mendorong remaja-remaja kita ini, termasuk pendatang-pendatang itu melakukan maksiat? Adakah ini berpunca kerana kerajaan membenarkan terlalu banyak tempat-tempat rehat, rekreasi ataupun pusat-pusat hiburan ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua telah membantu saya menjawab tadi. Pengalaman itu, maknanya orang yang sudah kerja lama. Misalnya, pegawai Imigresen yang sudah lama bekerja, dia tengok pelawat dengan melihat kepada perangnya. Apabila dia sampai ke situ, adakah dia takut sedikit, nampak mukanya nervous sedikitkah, ataupun pakaiannya nampak macam orang yang betul-betul, seperti yang orang kata 'seksi'....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ataupun transparentkah?

**Tuan Ong Ka Ting:** Itu dari segi pengalaman pemerhatian sahaja dan dari segi apakah punca yang menyebabkan begitu ramai pelacur sama ada tempatan atau daripada luar, oleh sebab ada satu tarikan kebendaan, mereka ini oleh sebab hendak mendapatkan wang dengan cepat, maka dia jalankan kegiatan ini. Dengan adanya tempat-tempat hiburan yang begitu menarik pelanggan, itu merupakan satu faktor tetapi kerajaan pada masa kini sedang memperketatkan lagi peraturan-peraturan dan tempat-tempat yang selalu kita nampak ada kegiatan ini telah pun kita tingkatkan rondaan ataupun pemeriksaan dan kita akan teruskan penguatkuasaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan popular, saya beri kepada Datin Hajah Wan Intan. Banyak pengalaman, Datin.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan berkenaan maksiat ini sudah bertahun-tahun. Adakah pihak kerajaan sedar atau tidak? Saya dengar ditutup, ditangkap berpuluh kali. Selepas tutup sekian masa, dibuka balik, ada lagi, tangkap lagi, sampai bila hendak habis? Kalau dapat dibuat – satu ketika dahulu di negeri Johor, dengan orang besar Polis, namanya tidak payah saya sebut, dia buat macam bulldozer sehingga clean, dengan izin, Johor tidak ada maksiat, Johor tidak ada main judi dan sebagainya. Malangnya

tauke ini bila transfer ke tempat lain, buka lagi. Ini ceritanya tidak habis-habis, buka-tutup, perkara maksiat, buka tutup, hal maksiat. Saya mahu kalau boleh, kita ambil satu tindakan biar dengan cemerlang, habis-habisan sampai tidak ada kuman itu lagi. Itu yang sebaik-baiknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bulldozer, dengan tidak buka-tutup lagi. *[Ketawa]* Itu soalankah atau pandangan?

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Pandangan soalan, mengapa tidak buat macam itu? *[Ketawa]*

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, cadangan itu boleh kita timbangkan dan dari segi kemampuan penguat kuasa dan dari segi keadaan tempat tetapi apa pun, saya rasa ada satu lagi faktor yang kita kena sentiasa tekankan ialah selagi ada permintaan pasaran, sebab bukan sahaja di tempat-tempat hiburan, ada pelacur-pelacur juga yang bergiat di apartment-apartment, bukan public places.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini basic economiclah, supply and demand.

**Tuan Ong Ka Ting:** Jadi, mungkin selain daripada penguatkuasaan, kesedaran masyarakat dan juga meningkatkan lagi pendidikan sosial, agama dan semua usaha itu akan menjadi satu package yang lebih berkesan.

#### PELABUR DARI NEGARA-NEGARA ISLAM – JUMLAH

14. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi menentukan pelabur-pelabur dari negara-negara Islam dapat mengambil bahagian melabur di dalam syarikat-syarikat serta institusi-institusi dana kewangan yang diiktiraf mengikut syarat-syarat yang tidak bercanggah dengan agama Islam; dan
- (b) sila nyatakan jumlah pelaburan yang dibuat oleh negara-negara Islam di negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) beberapa langkah telah pun dilaksanakan oleh kerajaan bagi memperluaskan skim pembiayaan mengikut prinsip syariah. Ini termasuklah penawaran instrumen-instrumen modal oleh institusi kewangan Islam, seperti Security Hutang Islam, Security Kerajaan secara Islam, bon, Mudarabah Cagarmas,

Unit Amanah Islam dan seumpamanya. Pengeluaran lesen broker saham secara Islam kepada Bank Islam Malaysia Bhd., Security Sdn. Bhd. dan pengenalan, dengan izin, 'Islamic window', oleh syarikat-syarikat broker saham turut menyumbang ke arah menjayakan usaha ini.

Sebagai badan yang bertanggungjawab untuk mengawal selia pasaran modal negara, Suruhanjaya Sekuriti telah mengadakan beberapa program tertentu untuk menggalakkan perkembangan pasaran modal secara Islam iaitu:

- (i) penubuhan kumpulan penyelidikan instrumen Islam pada 10 Oktober 1994 yang bertujuan memberi nasihat kepada Suruhanjaya Sekuriti mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan pasaran modal menurut lunas-lunas Islam;
- (ii) penubuhan Majlis Penasihat Syariah pada 26 Julai 1996 yang bertindak sebagai penasihat kepada Suruhanjaya Sekuriti serta menjadi sumber rujukan bagi semua perkara berkaitan dengan pasaran modal dan prinsip syariah; dan
- (iii) bersikap terbuka dalam menggabungkan tenaga pakar ekonomi semasa dan syariah bagi mencari jalan menambahkan lagi instrumen-instrumen mengikut lunas-lunas Islam.

- (b) Jumlah pelaburan yang dibuat oleh negara-negara Islam di Malaysia setakat Jun 1996 adalah sebanyak RM4,440.5 juta.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dalam usahanya. Soalan tambahan, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menempatkan alim-ulama di badan sekuriti dan juga di Kementerian Kewangan khusus bagi mereka digunakan sepanjang masa secara berterusan memberikan pandangan dari segi pelaburan ala-Islam?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita ada mengumpulkan cendekiawan-cendekiawan Islam dalam kumpulan pendidikan

instrumen Islam tadi dan juga Majlis Penasihat Syariah telah pun kita tubuhkan pada 16 Julai 1996 yang bertindak sebagai penasihat. Jadi, ini merupakan dua perkara yang kita rasakan saling melengkapi. Buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pegawai sepenuh masa.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Timbalan Menteri Kewangan ada menyatakan bahawa kemudahan instrumen kewangan Islam lebih banyak digunakan oleh orang bukan Islam daripada orang Islam. Kenapakah ini boleh berlaku dan apakah tindakan kerajaan supaya lebih banyak orang Islam menyedari, mengetahui dan menggunakan kemudahan Islam?

**Dato' Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, daripada penyelidikan kita persoalan itu betul yang mengatakan bahawa orang bukan Islam lebih banyak menggunakan bank-bank Islam daripada orang Islam sendiri kerana sepertimana yang kita katakan hari itu bahawa kerajaan memberikan satu alternatif kepada orang-orang Islam menggunakan Bank Islam berbanding dengan bank konvensional. Kalau kita lihat 'al-rhan' misalnya, iaitu pajak gadai, di sini kita lihat di satu-satu tempat ramai orang bukan Islam pergi ke tempat itu kerana mereka katakan mereka untung melalui pajak gadai secara Islam, kerana pajak gadai secara Islam, apabila tidak dapat membayar pada satu tempoh yang tertentu, akan diberi sambungan supaya mereka dapat membayarnya. Kalau tidak boleh membayar lagi, baru dijual emas ataupun kerosang dan sebagainya. Hasil daripada itu nanti dibahagi dua.

Jadi, inilah merupakan kesamaan dalam erti kata keseimbangan dan sebagainya. Kalau dibandingkan dengan pajak gadai biasa, kalau habis tempoh tak boleh bayar, langcai. Maknanya, kita tidak dapat apa-apa pun. Jadi, daripada sinilah sebagai orang-orang yang rasional, orang-orang yang bukan Islam memerhatikan keuntungan menjalani dan membuat perniagaan 'al-rhan' ini mengikut secara Islam. Kita berharap sangat nanti, kita telah pun meninjau perkara ini dan kita akan meminta, kalau boleh Bank Islam akan mewujudkan cawangan bank-bank Islam di merata ceruk rantau di pelosok tanah air kita.

#### **FAMA/FELCRA/RISDA/IADP – PULANGAN HASIL KEPADA PETANI**

15. **Puan Kelsom binti Yaacub** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) sejauh manakah keberkesannya terhadap kewujudan agensi-agensi seperti FAMA, FELCRA, RISDA dan IADP dapat mengeluarkan pulangan hasil yang lumayan kepada golongan petani di kampung-kampung tradisional; dan

- (b) tidakkah ada cadangan daripada kementerian sendiri untuk menggabungkan semua agensi tersebut kepada satu agensi pusat supaya dapat mengawal selia agar fungsi dan tugasnya tidak bertindih.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) FELCRA dan RISDA merupakan agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang terlibat dalam melaksanakan program pembangunan tanah melalui pengurusan yang efisien dan penggunaan teknologi baru yang berterusan. Walau bagaimanapun, fokus pendekatan RISDA ialah bagi program bantuan tanaman semula di kalangan pekebun kecil. Manakala FELCRA ialah untuk mempergiatkan program pembangunan tanah terbiar.

Sepanjang Rancangan Malaysia Keenam, RISDA telah membantu lebih kurang 412,000 pekebun kecil meningkatkan taraf hidup mereka melalui program pembangunan terutamanya tanaman semula dengan keluasan lebih kurang 200,000 hektar. Faktor peningkatan kadar produktiviti dan harga yang menggalakkan telah membolehkan pekebun getah mendapat purata pendapatan RM769.00 sebulan dalam tahun 1995. FELCRA pula telah memperolehi pendapatan melalui penanaman kelapa sawit, getah, padi dan pelbagai berjumlah RM498,639,487 tahun 1995, di mana dari jumlah tersebut RM56,900,000 telah diagih-agihkan kepada para peserta berupa dividen. Secara purata dividen yang diterima oleh setiap peserta adalah RM1,5000.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, di atas keputusan Jemaah Menteri, Unit Perancang Ekonomi telah melantik pakar runding untuk mengkaji dasar dan strategi pembangunan tanah dan agensi-agensi berkaitan dengannya. Hasil penemuan daripada kajian ini akan membantu kerajaan bagi menentukan penanam agensi RISDA dan FELCRA di masa hadapan.

#### **DOKTOR DI SEKTOR AWAM – KEKURANGAN**

16. **Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kerajaan sedar kekurangan bukan sahaja pakar-pakar perubatan tetapi doktor am dan



adakah kerajaan membenarkan doktor-doktor luar negara berkhidmat di hospital dan klinik swasta. Jika tidak, mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:**

Kementerian Kesihatan memang sedar yang negara pada amnya masih mengalami kekurangan pakar-pakar dan doktor am, terutamanya di sektor awam. Daripada jumlah 9,608 pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia, 54.1% atau 5,196 pengamal perubatan adalah di sektor swasta. Bagi pakar-pakar 45% adalah di sektor swasta. Kerajaan membenarkan pakar-pakar dari luar negara untuk bertugas di hospital-hospital swasta berdasarkan beberapa kriteria antaranya:

- (i) hanya pakar-pakar sahaja dibenarkan;
- (ii) hanya terbuka kepada hospital-hospital swasta yang mempunyai 50 katil atau lebih. Klinik tidak dibenarkan;
- (iii) pakar yang berkenaan mempunyai kelulusan perubatan asas yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 61 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG INSURANS 1966

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (30 Julai 1996)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Abu Bakar bin Ismail tidak mahu lagi bercakap. Saya hendak beri tetapi rekod mengatakan tidak mahu, saya jemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

**3.40 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bersama-sama dengan rakan saya dalam membahaskan Rang Undang-undang Insurans 1996.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu insurans memberi perkhidmatan yang amat bernilai dalam ekonomi sesebuah negara seperti Malaysia, sebuah negara yang membangun yang berkehendakkan sangat syarikat-syarikat insurans berniaga di negara ini.

Insurans kita tahu terbahagi kepada dua iaitu insurans am yang biasanya memberi perlindungan kewangan terhadap kerugian kepada seseorang itu dan juga kita ada insurans nyawa yang memberi dan menawarkan perlindungan kewangan kepada seseorang yang mengambil insurans dan warisnya tetapi juga kita dapat membuat simpanan terpaksa dengan mengadakan insurans ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Rang Undang-undang Insurans yang kita hendak luluskan ini tidak akan bercanggah dengan undang-undang syariah ataupun undang-undang Islam kita. Berkenaan dengan insurans ini, saya suka mengambil satu petikan daripada seorang pakar insurans Dr. S.S.Shobner, “Seseorang yang meninggal dunia dengan tidak mendapatkan insurans nyawa untuk melindungi orang yang disayanginya bukanlah ia meninggal tetapi lari.” Bermaknanya, seseorang yang meninggal dunia atau mati tetapi tidak mengadakan satu insurans lindungan untuk seseorang yang disayangi atau dikasihinya, tidaklah dia itu sebenarnya mati tetapi dia lari meninggalkan keluarganya. Dari sini kita dapati bahawa insurans ini amatlah penting kepada seseorang yang boleh mendapat insurans.

Dalam kita membahaskan Rang Undang-undang Insurans ini, saya ada beberapa perkara untuk dibangkitkan. Saya suka mengucapkan tahniah kepada Bank Negara Malaysia kerana telah dapat membetulkan berkenaan dengan ‘tier system’ iaitu dulu kita ada banyak tier system ataupun ejen-ejen insurans, insurans manager, area manager insurans, supervisor insurans tetapi dengan kegiatan dan usaha Bank Negara Malaysia, sekarang ini kita hanya ada tiga tier sahaja iaitu tier yang mengadakan seorang ejen, supervisor dan manager. Dan dengan ini, dengan mengurangkan ejen-ejen dan orang-orang yang akan mendapat overriding commission, dengan izin, sudah tentu akan memberi keuntungan yang lebih kepada syarikat insurans dan dengan jalan ini, saya berharap bahawa keuntungan lebih itu dapat diberikan kepada pengambil-pengambil insurans.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan insurans ini saya hendak memberi sedikit pandangan iaitu dari segi kekemasan insurans kita di Malaysia ini tidaklah dapat kita adakan lagi dan pada masa depan, saya harap insurans seperti insurans kereta; sekarang ini kita ada mempunyai insurans kereta yang berjenis, dengan izin,

comprehensive and third party. Saya harapkan bahawa insurans ini kita selaraskan, kita adakan satu cara insurans iaitu insurans komprehensif mengikut kelas dan harga kereta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam insurans yang kita ambil sekarang ini, kita juga mendapat excess clause, dengan izin, di mana misalannya kereta saya sendiri, excess clausenya RM8,000 tetapi saya juga mendapat NCB. NCB ini dengan izin, No Claim Bonus. Apabila kereta ini berlanggar, kena sedikit lampunya yang harganya RM5,000 saya tidak dapat menggunakan tuntutan insurans saya disebabkan excess clausenya RM8,000. Jadi bermakna lebih daripada RM8,000 sahaja barulah saya mendapat perlindungan ataupun dapat kemudahan daripada insurans. Jadi, apa gunanya kita mengadakan excess clause ini? Kita adakan purata sahaja. Misalannya kita insured kereta kita RM250,000. Kita kena bayar premium RM3,500. Ini dengan NCB. Tidak payah bagi NCB. Terus sahaja RM5,000 purata. Apabila ada kemalangan di mana kita kena baiki dengan harga RM5,000 – boleh kita tuntutan RM5,000. Kalau tidak, rasa saya insurans kereta ini tidak memberi makna sangat. Kalau excess clause RM8,000 bermakna kereta itu berlanggar teruk benar, baru boleh kita mengadakan insurans.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu cara yang saya tengok di negara kita ini, bila ada pelanggaran sedikit pun, dua kereta berhenti. Kadang-kadang bergaduh, kadang-kadang menunggu polis untuk membuat aduan. Mengapakah kita tidak ada satu sistem yang dilakukan di Australia dan juga di London, pada masa saya menuntut dulu, di depan gudang Selfridges, saya nampak dua kereta berlanggar tetapi pelanggaran itu tidaklah begitu teruk sangat tetapi lampu depannya pecah. Saya tengok dua driver keluar. Tengok keretanya, lampu pecah. Tengok pula keretanya, kemek di depan sedikit. Dia pun ambil call cardnya – beri. Dan seorang lagi beri call cardnya dan seorang lagi tengok tanda insurans di cermin depan kereta itu. Ambil nombor insurans dan kompeni, kemudian telefon. Dia pun begitu juga. Selepas itu mereka bersalam dan terus pergi. Dalam tempoh masa tujuh minit sahaja masalah itu diselesaikan. Di sini kalau satu kemalangan berlaku, kita tentu kena tunggu polis. Saya faham kalau kemalangan itu mengakibatkan jiwa, patah tangan, berdarah dan sebagainya mestilah kita kena menunggu .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang di London itulah agaknya yang dipanggil ‘civilised’ agaknya. Civilised, dengan izin.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita pun civilised dan saya rasa sampai masanya kita mengadakan cara ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahapnya. Tahap itu tinggi sedikit. Silakan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** [*Duduk*]

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Bila Tuan Yang di-Pertua bercakap, saya kena duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Saya izinkan berdiri. [*Ketawa*]

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Itu sebab saya duduk dan berdiri itu. Jadi, kalau banyak kali Tuan Yang di-Pertua, bercakap, lagi banyak kali saya duduk bangun. [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tengok tadi yang Tuan Yim Chee Chong macam dia antara setuju dengan tidak dengan apa yang Yang Berhormat Dato' cakapkan itu. Dia memandang Yang Berhormat Dato'.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong sudah tentu bersetuju. Dia seorang yang civilised [*Ketawa*] dan begitu juga rakan-rakan saya yang ada di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perkara tadi. Kalau di Malaysia ini di jalan raya, kalau kereta kita kena langgar sedikit, sudah tentu bergaduh. Siapa yang memulakan ayat, "Ah, engkau! Pasal apa engkau langgar kereta aku?" Dialah menang. Cepat sedikit kita keluar, cepat sedikit kita marah. Kalau kita marah dulu, yang seorang lagi terpegun. Dia memikirkan dialah yang salah, walaupun dia benar. Ini caranya yang kita dapati di jalan raya di Malaysia. Yang Berhormat tuan Yim Chee Chong bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak insurans kita nampaknya ke situlah yang kita mesti bersedia bahawa sistem insurans bertukar kad sahaja di tepi jalan di mana kemalangan itu berlaku dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak sebut sedikit berkenaan dengan peguam seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail semalam, dia kata bahawa peguam kadang-kadang mendapat 'runners' ataupun seorang yang pergi menunggu di hospital, menunggu orang itu memberi tandatangan untuk peguam itu mengambil tindakan atau mewakili si mangsa yang mendapat kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinannya perkara ini terjadi satu kemungkinan tidak terjadi, saya hanya mendengar sahaja, tetapi tidak nampak 'torting' di hospital

berlaku. Sebaliknya ini adalah satu perkhidmatan yang diberi oleh peguam kepada pelanggannya. Kadang-kadang kita tahu peguam itu dipanggil ke hospital untuk membicarakan sesuatu dengan si mangsa itu dan kadang-kadang kita salah faham mengatakan peguam ini sudah pun membuat satu perbincaraan untuk mendapatkan pelanggan secara tiba-tiba.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat kemalangan berlaku di mana-mana sahaja, kemalangan berlaku kepada orang miskin, kemalangan berlaku kepada orang kampung. Apabila orang kampung pergi ke hospital, itulah masa dia ada di bandar, apabila dia balik ke kampung dia tidak mungkin akan mendapat peguam untuk membantu menyelesaikan masalah dia. Jadi, sebab itulah peguam datang serta-merta untuk membantu si mangsa ini. Ini adalah satu perkhidmatan yang kadang-kadang diberi oleh syarikat peguam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana peguam hanya berada di bandarkah, Dato'?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, peguam ada yang di bandar dan ada yang di kampung. Peguam yang 'berlatih' di bandar itu datangnya daripada kampung .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** .....dan kadang-kadang sebelah petang dia balik ke kampung, Tuan Yang di-Pertua. Kerana Benta dengan Temerloh tidak berapa jauh; [*Ketawa*] Benta dengan Jerantut juga tidak begitu jauh. Sekarang ini banyak syarikat-syarikat guaman telah pun muncul di bandar-bandar kecil seperti di Basrah, di Benta tidak ada lagi, tetapi di Lipis, di Raub sudah ada.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, Basrah maju sedikitlah ya!

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, itulah saya hendak menjawab sedikit berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail semalam, tidak semua peguam berbuat begitu. Kalau dia buat pun adalah untuk memberi perkhidmatan khususnya kepada orang-orang yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu syarikat insurans nyawa di Malaysia ini ada sebanyak 18 dan insurans am sebanyak 60. Jadi, kita harap insurans ini dapat bergabung, diperkecilkan supaya mereka dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan-pelanggan mereka, sebab kita tau pada masa akan datang ini,

kita akan membuka perlahan-lahan pasaran insurans di negara kita ini kepada syarikat-syarikat insurans di luar negara untuk masuk.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya hendak memohon kepada kerajaan bahawa sekarang ini kita dapat pengecualian cukai hanya RM5,000 sahaja atas premium insurans kita iaitu termasuk insruans nyawa dan EPF. Bermakna kita hanya dapat mengecualikan RM5,000 sahaja simpanan di insurans dan juga EPF kita pada tiap-tiap tahun. Saya harap bahawa pengecualian dapat ditambah daripada RM5,000 kepada RM8,000 sekurang-kurangnya dalam budget yang akan datang ini, sebab ini memberi peluang lagi kepada orang kita di Malaysia ini untuk memudah mendapatkan insurans dan dapat pengecualian daripada income tax.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah polisi insurans untuk pelajaran dan juga untuk perbelanjaan medical insurance, di mana yang dapat pengecualiannya (release) hanyalah RM2,000 sahaja iaitu untuk pelajaran dan juga jika kita sakit masuk hospital dan sebagainya, jadi tax release, dengan izin, dari pihak kerajaan hanya mendapat RM2,000 sahaja. Saya mencadangkan supaya release ini ditambah kepada RM4,000 di dalam kita mengadakan budget pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah berkenaan dengan kemalangan di jalan raya di Malaysia ini yang belum kita buat lagi. Kita patut tiru apa yang terjadi di Australia, sebab sekarang ini kebanyakan kita telah mempunyai telefon bimbit, iaitu berkenaan dengan kemalangan di jalan raya. Jikalau terjadi satu kemalangan, kita gunakan telefon, tinggalkan kereta di tempat berlakunya kemalangan itu. Kita panggil insurans dan dalam masa 15 minit pihak insurans akan datang menghantar orang dengan keretanya sekali untuk mengambil kereta kita bagi dibaiki. Ini adalah satu lagi sistem yang patut kita contohi dan kita buat di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu tidak ada apa yang saya hendak bercakap lagi, saya hanya sentuh perkara-perkara yang sedikit tadi yang saya rasa patutlah mendapat pandangan dari pihak kerajaan. Sekarang ini insurans kita telah pun bertambah maju dan cara mereka memberikan perkhidmatan adalah sangat memuaskan. Kita juga mempunyai Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan kita ada juga Life Insurance Association of Malaysia (LIAM) yang telah pun ditubuhkan bagi mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan dalam syarikat-syarikat insurans itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada yang hendak bercakap lagi, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk memberikan jawapan. Sila.

**3.58 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Insurans 1996. Banyak isu telah ditimbulkan dan juga banyak pendapat, pandangan serta cadangan telah dikemukakan, jadi saya percaya kebanyakannya adalah baik, sangat baik dan akan diambil kira.

Sukacita saya maklumkan bahawa rang undang-undang ini telah diwujudkan semenjak 7 tahun yang lalu. Dalam 7 tahun ini satu pasukan yang terdiri dari ramai pakar dan orang yang berkemampuan serta berkepakaran dalam bidang-bidang tertentu yang ada kaitan dengan Rang Undang-undang Insurans itu adalah terlibat dalam menggubal Rang Undang-undang ini. Walaupun terdapat kekurangan di sana-sini, tetapi saya percaya pada keseluruhannya bolehlah diterima oleh Dewan yang mulia ini.

Mengenai persoalan kadar komisen yang dihadkan oleh garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia mengenai kos kendalian perniagaan insurans nyawa. Sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu garis panduan kos pengendalian perniagaan insurans nyawa, yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia adalah hasil daripada perbincangan Bank Negara Malaysia dan industri insurans yang terdiri daripada wakil syarikat-syarikat insurans iaitu LIAM dan PIAM. Wakil daripada pihak agensi iaitu NAMLIA dan JAMIN dan juga Persatuan Pengguna (FOMCA).

Setelah mengambil kira pandangan-pandangan serta kepentingan berbagai pihak, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan tersebut. Ianya bertujuan untuk memberikan manfaat kepada orang ramai dalam bentuk penurunan kadar premium atau peningkatan faedah-faedah perlindungan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato', minta berhenti sekejap ya, sebentar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peraturan yang relevan, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling mempengerusikan majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Ding Seling:** Sila teruskan.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Di samping ini, adalah juga diharapkan dengan terlaksananya garis panduan ini kecekapan operasi dan pengurusan kos syarikat insurans nyawa akan dapat ditingkatkan. Dengan kecekapan kos yang lebih baik, syarikat-syarikat insurans akan berada di dalam kedudukan yang lebih selesa untuk bersaing dengan institusi-institusi kewangan yang lain apabila menawarkan perlindungan insurans sebagai alternatif tabungan yang menarik kepada orang ramai. Ia juga akan memastikan bahawa syarikat-syarikat tempatan akan lebih berupaya untuk bersaing dengan lebih berkesan dalam pasaran yang lebih global berikutan daripada pembukaan pasaran kepada persaingan antarabangsa yang dipelopori oleh GATT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, had-had maksimum komisen yang ditetapkan oleh garis panduan ini ialah 171% daripada premium tahunan adalah berdasarkan kepada norma industri. Oleh itu kebanyakan ejen-ejen insurans tidak akan terjejas akibat daripada pelaksanaan garis panduan ini. Hanya segelintir daripada ejen-ejen yang terdiri daripada ketua-ketua agensi yang menerima komisen yang terlalu tinggi daripada norma insurans sebelum ini akan terjejas.

Di samping itu juga garis panduan tersebut juga membenarkan syarikat insurans memberikan faedah-faedah lain kepada para ejen mereka sebagai tambahan kepada komisen yang diberikan kepada mereka. Dalam hal ini syarikat-syarikat insurans bebas merangka skim-skim faedah yang sesuai kepada ejen-ejen mereka selagi mana faedah-faedah tersebut berada di dalam lingkungan had maksimum yang ditetapkan. Sekiranya had-had ini ditetapkan untuk faedah-faedah yang berkaitan dengan agensi-agensi, diambil kira dalam jumlah keseluruhan faedah kepada ejen, maka had maksimum yang dibenarkan sebagai bayaran kepada ejen adalah sebanyak 231% daripada premium tahunan, iaitu satu kadar yang tinggi dan munasabah.

Memandangkan wujudnya potensi yang amat luas dalam pasaran insurans dewasa ini kerana hanya lebih kurang 25% sahaja daripada penduduk Malaysia yang mempunyai perlindungan insurans, maka ejen-ejen mempunyai peluang-peluang yang luas untuk meningkatkan produktiviti mereka dan akhirnya meningkatkan pendapatan mereka.

Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu mengenai penyertaan bumiputera yang difikirkan masih tidak puas hati. Sukacita saya maklumkan iaitu penyertaan ekuiti bumiputera dalam industri insurans dalam



tahun 1995 adalah sebanyak RM548.8 juta ataupun 37.2% berbanding dengan RM17.3 juta ataupun 26.7% dalam tahun 1976.

Secara keseluruhan sektor-sektor penanggung insurans broker dan ajuster telah mematuhi kehendak dasar pembangunan negara dari segi pegangan ekuiti bumiputera di mana bumiputera memiliki masing-masing sebanyak 36.8%, 71.9% dan 44.3% daripada modal berbayar penanggung insurans, broker insurans dan ajuster yang ditubuhkan dalam Malaysia dalam tahun 1995.

Untuk menggalakkan penyertaan bumiputera sebagai ejen-ejen insurans, kerajaan telah menubuhkan dana latihan khas untuk ejen-ejen bumiputera. Dana ini akan memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan profesionalisme mereka. Dana ini akan disumbangkan oleh semua syarikat-syarikat insurans nyawa sebanyak RM1 juta setahun.

Mengenai sama ada adakah penalti yang dikenakan mampu dibayar kerana peruntukan penalti yang dikenakan lebih berat berbanding dengan peruntukan sedia ada di bawah Akta Insurans 1963, adalah tidak benar bahawa penalti maksimum di bawah Akta Insurans 1963 adalah hanya RM20,000 sahaja memandangkan penalti di bawah seksyen 28A Akta Insurans 1963 sedia ada adalah sebanyak RM5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sebarang penalti yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang Insurans 1996 merupakan suatu penalti maksimum yang boleh dikenakan bagi sesuatu kesalahan. Mahkamah mempunyai budi bicara menjatuhkan sebarang hukuman dalam lingkungan penalti maksimum yang ditetapkan bergantung kepada keberatan dan kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang itu dan hukuman yang hendak dijatuhkan itu tidak boleh melebihi amaun maksimum yang ditetapkan di bawah sesuatu peruntukan penalti. Penalti yang berat ini adalah untuk menghindar pesalah-pesalah. Orang-orang yang mematuhi undang-undang dan peraturan tidak perlu bimbang mengenai penalti yang tinggi di bawah Rang Undang-undang Insurans ini. Penalti di bawah Rang Undang-undang ini juga adalah selaras dengan penalti yang dikenakan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989.

Tentang mengapakah LIAM diberi tanggungjawab untuk mendaftar ejen insurans nyawa, LIAM sebagai badan mandatori yang mewakili semua syarikat insurans nyawa berperanan memastikan tahap profesionalisme tenaga agensi sentiasa dipertingkatkan dan amalan yang baik, beretika yang dilakukan oleh para ejen ditangani dengan berkesan. Konsep kawalan sendiri penting bagi membantu meningkatkan kemajuan industri insurans secara menyeluruh di negara ini.

Selain daripada itu memandangkan ejen-ejen dilantik oleh syarikat-syarikat insurans, LIAM dan syarikat-syarikat yang menganggotainya berada pada kedudukan yang paling baik untuk mendaftar dan mengawasi prestasi ejan-ejen.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pemisahan tugas di antara Bank Negara Malaysia dengan Ketua Pengarah Insurans? Seksyen 35 Akta Insurans 1963 memperuntukkan Gabenor Bank Negara Malaysia sebagai Ketua Pengarah Insurans diberi kuasa untuk mengawal selia industri insurans. Keadaan tidak berubah di bawah Rang Undang-undang Insurans di mana Bank Negara Malaysia adalah pihak berkuasa yang mengawal selia industri insurans dan Gabenor akan bertindak bagi pihak Bank Negara Malaysia dan akan menjalankan, melaksanakan dan menguatkuasakan segala kuasa, kewajipan dan fungsi yang diberi kepada Bank Negara Malaysia. Terma Ketua Pengarah Insurans tidak lagi terpakai di dalam Rang Undang-undang Insurans.

Tentang syarikat-syarikat insurans patut dikawal dengan lebih ketat lagi oleh Kementerian Kewangan dan terdapat kes-kes di mana syarikat-syarikat insurans enggan membayar pampasan kepada pemegang polisi.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran oleh syarikat insurans adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat polisi. Apabila terma polisi tidak dipatuhi, syarikat insurans mungkin menolak liabilitinya. Walau bagaimanapun, sekiranya si penuntut berpendapat syarikat insurans tidak mengendalikan tuntutan mereka dengan wajar, mereka boleh mengemukakan aduan mereka kepada Bank Negara Malaysia, PIAM, LIAM atau Biro Pengantaraan Insurans yang ditubuhkan untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian di antara syarikat insurans dengan pemegang polisi.

Tentang syarikat insurans tidak membayar sepenuhnya kerugian kebakaran yang dialami oleh pemegang polisi dan syarikat insurans juga tidak membayar kerugian isi rumah apabila berlaku kebakaran. Gantirugi yang dibayar oleh syarikat insurans di bawah polisi kebakaran adalah untuk *re-instate*, dengan izin, ataupun pulih semula bangunan yang musnah, namun begitu bayaran adalah tertakluk sama ada bangunan itu diinsuranskan secukupnya bagi mengelakkan *under insurance* dengan izin, yang mana kuasa purata, *aggregate clause*, dengan izin, akan dikenakan. Oleh pemegang-pemegang polisi insurans perlu memastikan harta benda mereka diinsuranskan mengikut harga pasaran. Kerugian isi rumah akan hanya dibayar sekiranya polisi berasingan itu, dengan izin, *householder policy*, dibeli oleh pihak pemilik rumah.

Tentang syarikat-syarikat insurans yang lewat mengeluarkan polisi insurans kepada pembeli insurans, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan mengenai langkah-langkah menghapuskan penipuan Insurans Motor, antaranya termasuk tempoh pengeluaran polisi insurans. Dalam pada itu, Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) juga menetapkan bahawa polisi-polisi insurans harus dikeluarkan oleh syarikat insurans dalam masa 21 hari dari tarikh premium diterima. Sekiranya pemegang polisi tidak menerima polisi mereka dalam tempoh tersebut, mereka boleh mengadu kepada Bank Negara Malaysia dan PIAM untuk tindakan selanjutnya. Sekiranya saya maklumkan juga Bank Negara Malaysia sedang juga mengkaji langkah-langkah yang lain untuk memperbaiki keadaan seumpama ini di mana perkara yang boleh menimbulkan penipuan dan kelewatan mengeluarkan polisi itu dapat diperbaiki.

Cadangan untuk mewujudkan satu tabung ataupun dana untuk menjaga kepentingan mangsa-mangsa kemalangan yang melibatkan pemandu kenderaan yang tidak mempunyai insurans, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini telah pun wujud satu tabung yang dibiayai oleh syarikat-syarikat insurans am di Malaysia untuk memberi pampasan kepada mangsa-mangsa akibat daripada kemalangan kenderaan yang tidak mempunyai perlindungan insurans.

Ada beberapa syarikat insurans yang melabur dalam aset-aset yang tidak mendatangkan keuntungan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal. Bank Negara Malaysia telah menetapkan secara pentadbiran kriteria-kriteria terhadap jenis dan nilai aset yang boleh dilaburkan oleh syarikat-syarikat insurans. Di samping itu, Rang Undang-undang Insurans memperuntukkan bahawa penanggung insurans berlesen hendaklah melaburkan asetnya mengikut apa cara dan menyetorkan aset itu di mana-mana tempat yang ditetapkan.

Bank Negara Malaysia juga boleh mengarahkan sesebuah penanggung insurans supaya tidak membuat pelaburan daripada sesuatu kelas atau perihalan tertentu atau supaya menghasilkan sebelum tamat tempoh tertentu atau tempoh lanjut yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia, keseluruhan atau sesuatu bahagian tertentu pelaburannya. Peruntukan-peruntukan tersebut adalah bertujuan untuk menghalang penanggung-penanggung insurans daripada melabur dalam pelaburan-pelaburan yang tidak menguntungkan.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi juga kluatir tentang *loophole* dalam Rang Undang-undang dan adakah cara yang dapat mengatasi hal itu.

Rang Undang-undang ini adalah komprehensif dan cukup untuk menutup segala ruang-ruang (*loophole*) yang telah timbul sepanjang pengalaman Bank Negara Malaysia dalam mentadbir Akta Insurans 1963. Peruntukan-peruntukan yang komprehensif ini diharap akan dapat diatasi dengan berkesannya ruang-ruang yang mungkin timbul nanti.

Mengenai aktiviti syarikat insurans harus dihadkan kepada aktiviti insurans dan yang berkaitan sahaja dan bukan aktiviti-aktiviti lain seperti operasi hotel, saya sukacitanya memaklumkan bahawa penanggung insurans pada ketika ini dilarang daripada melibatkan diri dalam perniagaan selain daripada perniagaan insurans. Seterusnya, Fasal 28, Rang Undang-undang Insurans melarang seorang penanggung insurans, broker insurans atau ajuster daripada menjalankan apa-apa perniagaan selain daripada yang berkaitan dengan/atau bagi tujuan perniagaan insurans yang berlesen.

Dalam tahun 1955 terdapat 61 syarikat insurans yang kebanyakannya bermodal rendah, adakah langkah-langkah yang diambil untuk menyatukannya supaya menjadikan lebih besar. Bank Negara Malaysia memang sedar akan perkara ini dan sedang berusaha untuk menggalakkan syarikat-syarikat insurans yang bermodal rendah bercantum supaya membentuk unit-unit yang lebih besar dan mempunyai daya saingan dan keupayaan kewangan jangka panjang. Di antara langkah-langkah yang akan diambil untuk mencapai matlamat ini adalah seperti berikut:

- (i) menambahkan modal minimum yang harus dibekalkan oleh penanggung insurans; dan
- (ii) mewujudkan sistem kawalan dua peringkat, *tearing system*, dengan izin, di mana syarikat insurans yang lebih besar dan diuruskan dengan baik, yang berada di peringkat pertama, dibenarkan mengendalikan operasinya dalam persekitaran yang lebih liberal.

Tentang Fasal 169, perkataan 'lebih daripada seorang suami' tidak sepatutnya digunakan. Saya ucapkan terima kasih kerana menimbulkan perkara ini dan pihak kami mengambil maklum dan mungkin akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminda bagi menjadikannya lebih sempurna.

Adalah dicadangkan kadar faedah yang dikenakan ke atas tuntutan insurans nyawa yang dibayar lewat berasaskan kepada, *base lending rate*, dan bukan 4% sepertimana yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Insurans. Sebenarnya

kadar faedah sebanyak 4% merupakan kadar minimum dan Bank Negara Malaysia diberi kuasa di bawah Rang Undang-undang ini untuk menetapkan kadar lain, sama ada lebih tinggi ataupun lebih rendah mengikut keadaan masa.

Adakah satu mekanisme yang boleh memastikan supaya penama-penama akan tahu hak mereka di bawah polisi, sukacita saya maklumkan iaitu memang sudah ada mekanisme yang memastikan penama-penama tahu akan hak mereka di bawah polisi. Sesuatu penamaan yang dibuat hendaklah disaksikan oleh syarikat insurans dan hendaklah memulangkan polisi yang berkenaan itu kepada tuan punya polisi, selepas penamaan di 'endorse'kan di atas polisi. Tidak ada peruntukan yang menghalang penamaan dimaklumkan kepada orang yang dinamakan. Di samping itu, jika seseorang penama gagal untuk menuntut wang polisi dalam tempoh 60 hari selepas penanggung insurans berlesen menyedari tentang kematian tuan punya polisi itu, penanggung insurans berlesen itu hendaklah memberitahu penama itu secara bertulis di alamatnya yang terakhir diketahui mengenai haknya untuk menuntut wang polisi itu. Jika seorang penama gagal untuk menuntut wang polisi dalam tempoh 12 bulan selepas penanggung insurans menyedari tentang kematian tuan punya insurans polisi itu, barulah ia akan dianggap seolah-olah tidak ada penamaan dibuat.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba juga telah mencadangkan iaitu haruslah diwujudkan satu badan yang boleh melatih kakitangan syarikat insurans. Buat masa ini Institusi Insurans Malaysia yang ditubuhkan oleh industri insurans sejak tahun 1985 sedang giat memberi latihan dalam bidang insurans kepada kakitangan syarikat dan ejen-ejen insurans dan institusi ini juga menjalankan kursus-kursus profesionalisme lain yang sesuai untuk industri insurans.

Mengenai mekanisme untuk memastikan supaya mereka yang dilantik itu adalah sesuai untuk memimpin syarikat insurans, perkara ini telah dimasukkan di bawah Fasal 71 Rang Undang-undang ini di mana Bank Negara Malaysia akan memastikan bahawa penanggung insurans adalah terkawal dan diuruskan oleh kakitangan yang dianggap layak dan sesuai, dengan izin, *fit and proper*.

Peruntukan ini adalah dipakai ke atas semua pemegang lesen di bawah Rang Undang-undang. Sehubungan dengan itu, Rang Undang-undang juga memperuntukkan keadaan di mana Ketua Pengawal Eksekutif, Pengarah, Pengurus, Setiausaha atau pekerja lain yang terlibat dalam pengurusan pemegang lesen hilang kelayakan untuk memegang jawatan tersebut.

Yang Berhormat. Dato' Haji Mohd. Zuki telah menyarankan supaya mengadakan hanya satu kelas insurans motor sahaja, iaitu polisi komprehensif sahaja diadakan. Kerajaan hendaklah memastikan bahawa polisi tersebut adalah adil kepada setiap golongan masyarakat. Polisi komprehensif adalah lebih mahal, oleh kerana ia juga meliputi kerosakan yang dialami oleh kereta pemegang polisi. Mungkin bebanan ini akan menyusahkan golongan yang berpendapatan rendah. Jadi, di samping itu, adalah dicadangkan supaya polisi yang berbagai jenis yang boleh ditanggung oleh semua lapisan masyarakat itu ditawarkan kepada orang ramai, dan tidaklah terhad kepada satu jenis sahaja. Ini difikirkan adalah lagi adil kepada masyarakat kita.

Mengenai saranan supaya sistem yang lebih *civilised*, iaitu kalau bertemu satu-satu kemalangan, bertukar sahaja kad-kad tertentu itu dalam 7 minit sahaja dapatlah diselesaikan masalah kemalangan itu, perkara ini lebih mencerminkan pada pendapat saya ialah tahap sivilisasi ataupun *civic consciousness* satu-satu masyarakat. Namun demikian, kerajaan sedang berusaha untuk mempertimbangkan beberapa cara untuk melicinkan lagi sistem insurans motor di negara ini. Walaupun contoh diberikan, yang kita nampak itu adalah dari sudut *civilised*, tetapi dalam negara-negara yang disebutkan itu, ada juga nampaknya yang tidak *civilised*, yang berlaku juga di mana-mana tempat. Itu pun berlaku.

Tentang *excess clause* yang terlalu tinggi untuk satu-satu polisi itu, sukacita saya maklumkan iaitu satu kajian sedang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia ke atas jumlah-jumlah *excess* yang dikenakan oleh syarikat-syarikat insurans, dan jumlah *excess* akan dicapai untuk memastikan jumlah ini adalah munasabah dan mencerminkan pengalaman pemandu-pemandu masing-masing.

Tentang pengecualian cukai untuk perlindungan polisi nyawa dan juga untuk insurans pendidikan dan kesihatan dicadangkan supaya dapat ditambahkan lagi pengecualian itu, sukacita saya maklumkan iaitu pihak kerajaan sedang mengkaji bagaimana kesan ke atas kutipan pada keseluruhannya di negara kita ini oleh kerana kenaikan ini baru sahaja dilaksanakan dan kesannya belum dapat diketahui sama ada akan mengurangkan kutipan cukai negara kita secara besar-besaran ataupun tidak mendatangkan kesan yang buruk.

Saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ini. Saya percaya memang ada juga perkara yang tidak dapat saya sempat hendak sentuh, dan saya berjanji akan menyalurkan, menyusulkan semua cadangan dan pandangan

itu kepada semua pihak yang berkenaan supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Sekianlah sahaja, saya ucapkan berbilang terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 225** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**4.30 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM697,401,320 dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1996 adalah berjumlah RM697,401,320. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 2, Rang Undang-undang ini.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah fasal 2, Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM493.1 juta di bawah Maksud B.50 Kementerian pembangunan Usahawan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM400 juta bagi MARA – membiayai Program Penajaan Pelajar Pinjaman Biasiswa dalam dan luar negeri, bayaran emolumen dan perkhidmatan serta elaun pelatih;
- (ii) sebanyak RM75 juta untuk tabung '*Endowment Fund*' Malaysia –*France Institute* yang telah ditubuhkan;
- (iii) sebanyak RM9.6 juta untuk membiayai belanja mengurus Malaysia – *France Institute*; dan
- (iv) sebanyak RM 8.5 juta untuk membiayai pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah Program Pembangunan Usahawan dan kos bagi membekalkan sistem pengkomputeran Kementerian Pembangunan Usahawan meliputi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Pusat Khidmat Kontraktor.

Tambahan sebanyak RM119 juta di bawah Maksud B.34, Kementerian Kesihatan, untuk membiayai kenaikan kos utiliti berikut kenaikan kadar oleh Tenaga Nasional Berhad, kenaikan kos ubat-ubatan, pertambahan subsidi untuk rawatan di Institut Jantung Negara dan pemberian bantuan kewangan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia.

Tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri, sebagai pemberian geran pelancar kepada Perbadanan Putrajaya yang telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996.

Tambahan sebanyak RM11.9 juta di bawah Maksud B. 47, Kementerian Pengangkutan untuk perbelanjaan Program Latihan Pegawai-pegawai Kawalan Trafik Udara, Jabatan Penerbangan Awam.

Tambahan sebanyak RM11.3 juta di bawah Maksud B.4, Suruhanjaya Pilihanraya untuk membiayai persiapan Pilihanraya Umum, Dewan Undangan Negara Sarawak yang akan datang.

Tambahan sebanyak RM10 juta di bawah Maksud B.20, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk membiayai belanja mengurus Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana yang telah ditubuhkan pada 1 Mei 1996.



Tambahan sebanyak RM5.7 juta di bawah Maksud B.36, Polis Di-Raja Malaysia, untuk membiayai kos pengawasan anggota polis semasa Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak yang akan datang.

Tambahan sebanyak RM5 juta di bawah Maksud B.44, Kementerian Penerangan untuk membiayai aktiviti-aktiviti Jabatan Perkhidmatan Penerangan.

Tambahan sebanyak RM3.5 juta di bawah Maksud B.43, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk membiayai persekolahan anak-anak Orang Asli.

Tambahan sebanyak RM3.2 juta di bawah Maksud B.11, Badan Pencegah Rasuah untuk membiayai pembelian kenderaan dan alat-alat kelengkapan pejabat sebagai langkah meningkatkan lagi kecekapan dalam menghadapi gejala rasuah.

Tambahan sebanyak RM2 juta di bawah Maksud B.10, Jabatan Peguam Negara untuk membiayai perbelanjaan bagi menganjurkan Mesyuarat Menteri Undang-undang Komanwel yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 15 hingga 20 April 1996.

Tambahan yang lain, sebanyak RM2,700,110 adalah dikehendaki untuk membiayai pelbagai perkhidmatan di bawah Maksud-Maksud B.6, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan; B.30, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun; B.32, Jabatan Hasil Dalam Negeri; B.42, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1996 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9, Tahun 1996 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9A, Tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahaskan. Dipersilakan Puan Hajah Rahaiah Baهران.

**4.35 ptg.**

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam perbahasan bagi meluluskan Akta Perbekalan Tambahan 1966 ini, saya ingin menyentuh berkenaan dengan peruntukan tambahan yang diperlukan oleh Kementerian Kesihatan. Pada hakikatnya kita kini dapat melihat bahawa di pekan-pekan kecil dan di kawasan-kawasan luar bandar sudah banyak pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa dibangunkan.

Semua infrastrukturnya lengkap dan pegawai-pegawainya pun boleh dikatakan ada walaupun tidak sepenuhnya bagi mengendalikan pusat-pusat dan klinik-klinik tadi. Yang amat merugikan adakah infrastruktur ini dapat dimaksimumkan perkhidmatannya jika doktor-doktornya datang dan pergi. Walaupun untuk mencapai tahap satu doktor bagi dua ribu penduduk belum dapat dicapai, saya kira tiap-tiap pusat-pusat kesihatan sekurang-kurangnya hendaklah dilengkapi doktor yang secukupnya bukan sahaja cuma seorang doktor bagi 10 ribu penduduk. Yang amat menyedihkan, ada pusat-pusat kesihatan yang langsung tidak ada doktor, cuma dilawati oleh doktor daripada hospital yang berhampiran yang juga memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan mereka.

Tidak wajar kiranya kita sudah berbelanja begitu banyak wang untuk membangunkan infrastruktur tetapi tidak membekalkan kepakaran yang secukupnya. Diharapkan kementerian dapat menentukan bahawa wang telah dibelanjakan untuk perkhidmatan rakyat dapat sampai kepada rakyat secara terus dan berkesan. Apakah kerajaan dalam mendirikan pusat-pusat dan klinik-klinik tadi untuk tidak mengambil kira di atas perkara-perkara sebegini di masa pembinaannya?

Tidak wajar kerajaan kita yang terkenal dengan komitmennya seolah-olah memberi perkhidmatan sebagai lepas batuk di tangga sahaja. Mintalah segala perancangan pembangunan infrastruktur diurus dengan lengkapnya supaya rakyat tidak merasa bahawa perkhidmatan yang diberi hanyalah untuk tontonan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada mendengar bahawa perkhidmatan bidan kini sedang dilupakan, klinik-klinik desa akan dilengkapi dengan jururawat desa yang akan memberi kononnya lebih banyak perkhidmatan yang baru ataupun perkhidmatan lain-lain lagi. Syabaslah, kementerian nampaknya proaktif dan ingin memberi perkhidmatan yang lebih baik. Saya menyokong usaha ini dan mengharapkan klinik-klinik desa ini dapat diubah fungsinya kepada yang lebih baik. Cuma sebelumnya dapat dibuat sepenuhnya, saya harapkan kementerian sudah bersedia dan di masa peralihan ataupun dengan izin, transition period janganlah

hendaknya ada klinik desa yang tidak ada bidan ataupun jururawat desa yang masih berada di pusat-pusat latihan ataupun masih di peringkat untuk ditemuduga bagi menjalani latihan di pusat-pusat latihan jururawat.

Saya berharap supaya tidak ada kes yang mana klinik-klinik desa ditutup sementara kerana menunggu untuk dikendalikan secara baru kerana ketiadaan kakitangan. Oleh itu, saya menyokong di atas peruntukan tambahan ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Jadi, seterusnya saya ingin menyebutkan perkara tadi yang saya rasa ketara di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh B.47 - Kementerian Pengangkutan iaitu perkhidmatan teksi. Saya mencadangkan pegawai-pegawai kanan kementerian cuba-cubalah menyamar sebagai penumpang teksi di Kuala Lumpur dan di Petaling Jaya ini. Sebagai pelanggan teksi yang selalu menggunakan perkhidmatan teksi, saya dapati bahawa cuma ada seorang pemandu daripada lima pemandu teksi sahaja yang benar-benar berertika di dalam profesion mereka. Mengikut pengalaman saya, mereka rata-rata akan bersungut dan mengumpat kementerian, kerajaan dan juga syarikat-syarikat teksi mereka. Sikap mereka amat negatif dan membayangkan ketidakpuasan hati mereka terhadap profesion mereka. Ada juga teksi yang akan menolak untuk membawa penumpang ke tempat yang dipinta malah pernah saya diminta turun di satu perhentian bas kerana tidak mahu menghantar ke tempat yang dituju. Di sini untuk meminta bayaran yang lebih daripada seharusnya adalah perkara biasa. Sebelum masuk ke dalam teksi disebut bahawa jika hendak ke sesuatu tempat, diberitahu jumlah yang tinggi dan berlakulah tawar menawar. Ada pelancong ataupun rakan-rakan kadang-kadang dari luar negeri berseminar di sini, secara direct bercerita kepada saya bersungut bahawa inikah keadaannya di Malaysia?

Yang memeranjatkan saya iaitu pada minggu yang lalu, saya telah menginap di salah sebuah hotel di Petaling Jaya dan ingin ke satu tempat yang sangat berhampiran. Teksi umum yang berkeliaran di hotel tersebut meminta RM10 daripada saya. Saya tidak tahan sabar. Saya mengenalkan diri saya, lalu saya terus dibawa ke tempat yang dituju dengan bayaran mengikut meter RM2.50 sahaja. Inilah senarionya perkhidmatan teksi kita. Nampak gayanya mekanisme yang ada tidak berkesan. Saya cadangkan supaya sistem citizen arrest tadi dapat diamalkan bagi membanteras perkhidmatan yang memalukan ini.

Perbuatan ini juga saya kira dapat ditangani sekiranya ada sistem yang mana segala aduan dapat disampaikan dengan segera dan dicadangkan bahawa semua teksi

dapat dibekalkan dengan borang-borang aduan yang mudah diisi dan dapat dihantar melalui pos secara percuma, melalui sampul surat yang beralamat yang juga telah disediakan. Saya kira tindakan di atas dapat mewujudkan pemandu-pemandu teks yang lebih mencerminkan rakyat Malaysia yang bersopan, cekap dan amanah.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Ya, Tuan Rahim bin Baba.

**4.44 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun dan turut sama untuk memberikan pandangan dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Pertamanya ialah mengenai Kementerian Pembangunan Usahawan. Terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah pun memberikan peruntukan RM493,133,000 kepada Kementerian Pembangunan Usahawan di mana sebahagian besar daripada peruntukan ini iaitu lebih daripada RM400 juta adalah diperuntukkan bagi MARA membiayai Program Penajaan Pelajar/Pinjaman/Biasiswa dalam dan juga di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan ini memanglah dialu-alukan oleh rakyat keseluruhannya, khasnya oleh orang-orang Melayu di atas peruntukan ini. Baru-baru ini kita telah pun membaca di akhbar-akhbar mengenai keluhan pelajar-pelajar Melayu ataupun pelajar-pelajar bumiputera yang telah pun memasuki kolej-kolej MARA yang mengambil A Level dan sebagainya yang telah pun dijanjikan untuk dihantar ke luar negeri untuk menuntut di luar negeri dan inilah peluang kepada pelajar-pelajar Melayu khasnya pelajar-pelajar daripada luar bandar untuk berpeluang mendapatkan pendidikan tinggi di luar negara. Tetapi dalam pada masa itu juga, kita dikejutkan seolah-olah MARA telah pun tidak berkeupayaan untuk menghantar anak-anak yang telah pun dijanjikan terlebih dahulu untuk dihantar ke luar negara dan kita bersyukur dengan peruntukan yang telah pun diluluskan sebanyak RM400 juta ini.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi dalam pada masa itu juga, saya difahamkan bayak kemudahan yang dulunya diberikan kepada pelajar-pelajar telah pun dipotong oleh pihak MARA ataupun pihak kementerian. Pada saya, kalau RM400 juta tidak mencukupi, naikkan sampai RM800 juta. Jangan sekali-kali kemudahan-kemudahan ini dipotong. Kita tidak boleh compromise dalam soal pendidikan. Kerana bagi saya

untuk memajukan orang-orang Melayu, penduduk-penduduk di luar bandar, kita tidak boleh compromise di dalam soal ini.

Baru-baru ini, saya menghantar anak saya yang memasuki kolej MARA A Level di Banting. Jadi, saya telah pun diberikan taklimat pada jam 9.00 pagi sampai pukul 12.00 tengah hari. Selepas jam 1.00 tengah hari oleh pihak pendaftaran dan seterusnya oleh Guru Besar di Kolej MARA Banting. Saya juga sungguh terperanjat apabila dimaklumkan oleh guru besar yang berkenaan bahawa biasanya dulu, MARA memberikan peruntukan biasiswa ataupun duit poket kepada anak-anak yang belajar di kolej MARA ini, bukannya banyak, RM50 sebulan. Itu pun dipotong oleh pihak MARA. Jadi, pada pengamatan saya, mungkin RM50 ini satu jumlah yang kecil tetapi kepada anak-anak yang duduk di kolej-kolej seperti di kawasan-kawasan yang terpencil, setengah-setengahnya saya lihat yang menghantarkan anak-anak ke kolej MARA itu terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah. Kalaulah cara pakaian, cara kereta yang menghantar mereka dengan satu keluarga dengan penuh harapan.

Biasanya dahulu dia kata duit RM50 inilah yang boleh digunakan oleh pihak pelajar sementara menunggukan duit daripada kampung datang, duit daripada emak bapa hantar ke sekolah ataupun bila sudah tidak ada duit poket, kadang-kadang-kala sebulan sekali ataupun dua bulan ataupun tidak bulan sekali, barulah berpeluang untuk balik kampung ataupun dilawati oleh ibu bapa, barulah diberi duit poket dan sebagainya. Tetapi duit yang ini pun dipotong oleh pihak MARA. Walaupun jumlahnya sedikit tetapi maknanya sungguh besar kepada pelajar-pelajar atau mereka yang menghantarkan anak-anak mereka ke kolej MARA yang terdapat di seluruh negara.

Jadi, saya berharap kalau hendak potong biarlah cara yang ada tempat-tempatnya. Bukannya soal duit poket pelajar RM50. Pada saya.....

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Puan Hajah Rahaiah minta laluan.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, RM50 tadi dikatakannya duit poket. Sebenarnya, adakah beliau bersetuju kalau saya katakan bahawa RM50 itu boleh menampung makan minum mereka selama lebih kurang tujuh hari?

**Tuan Rahim bin Baba:** Kalau zaman saya dululah, RM50 itu tahan tiga bulan, saya agaklah. Sehari 10 sen sahaja pada zaman dulu-dulu. Tetapi hari, kalau

RM50 itu, kalau diri saya, agaknya dalam masa lima minit pun sudah habislah. Itu bezannyalah.

Tetapi apa yang hendak saya tegaskan di sini ialah yang menghantar anak-anak ke kolej MARA dengan penuh harapan dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan juga pihak kerajaan, walaupun diberi RM50 ini, bukannya percuma. It is a loan - pinjaman. Termasuk yang saya kena sign RM210,000 untuk pinjaman anak saya kalau dia melanjutkan pelajaran ke luar negara, saya pun kena tandatangan untuk menjadi penjamin kepada RM210,000 itu tadi. Ramai juga ibu bapa yang mengeluh. Siapa hendak menjadi penjamin RM210,000? Ramai yang pada masa itu tidak dapat untuk mendapatkan penjamin.

Yang menjadi masalahnya kita pun tahu, kalau tidak ada penjamin, bayaran itu akan diteruskan juga tetapi yang ada psychological effect ini ialah pelajar itu sendiri, mana hendak cari penjamin, siapa yang hendak jamin? Pegawai kerajaan, kalau hendak jamin pun mesti mendapat kelulusan daripada ketua-ketua jabatan, ada pula dia punya syarat-syarat, orang-orang yang sedemikian, yang boleh jamin. Soalnya setengah orang kata kalau pinjaman MARA ini tidak bayar pun tidak apa tetapi soalnya kita hendak menjamin di mana hendak cari penjamin. Jadi, sudahlah duit itu kena hutang, selepas itu pula yang RM50 ini pun dipotong.

Saya merayu kepada pihak kementerian khususnya kepada pihak MARA supaya dapat memikirkan balik perkara ini. Saya percaya banyak yang boleh diselamatkan. Bila diberi kepada saya sebanyak RM210,000 dari segi itemisnya mengenai apa-apa perbelanjaan, sekali imbas saya tengok perbelanjaan tiket kapal terbang pergi dan balik ke London sebanyak RM4,500 lebih kurang. Saya tahu kalau saya pergi membeli tiket sendiri, saya fikir tidak sampai RM4,500 - RM2,000 lebih pun dapat, RM4,5000 itu full fare, dengan izin, maknanya kita boleh naik kapal terbang mana pun, kalau tak boleh naik MAS naik SIA atau apa pun dan selepas itu pada bila-bila masa kita hendak tukar pun boleh atau sebagainya. Kenapa MARA tidak boleh memikirkan supaya mendapatkan deal yang terbaik?

Hari ini sekali imbas saya baca dalam *The New Straits Times*. Ada orang yang hendak pergi ke Atlanta harga tiketnya sampai RM4,000 lebih. Ada yang kata di luar dia boleh dapat RM1,000 atau RM2,000. Ini adalah keadaa yang sama jugalah. Di sini MARA boleh save. Saya terperanjat bila saya tengok RM4,500 harga tiket kapal terbang. Ini saya agak boleh ditukar kepada kelas ekonomi, boleh tukar kepada business class. Yang mendapat keuntungan bukannya syarikat penerbangan sahaja,

tetapi yang mendapat keuntungan ialah mereka yang menjadi ejen itu, diberinya full fare kepada students yang hendak pergi keluar negeri. Apa salahnya kalau dirundingkan supaya dikenakan fare biasa, bererti kurang dan duit itu boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain. RM4,000 lebih ini pun kena hutang juga bukannya percuma, kena bayar juga.

Dari segi pengurusan (management), kemampuan - kita pun tahu Tuan Yang di-Pertua, pun selalu pergi Londong biasa naik first class - itu soal lain. Saya selalu juga pergi London, jadi saya tahu, saya boleh dapat fare yang RM2,000 lebih. Saya terperanjat kerana anak saya kena bayar RM4,500 kalau dia hendak pergi belajar ke London dan juga balik, sekarang pun sudah kena sign untuk membuat jaminan. Jadi, perkara-perkara seperti ini saya harap pihak kerajaan, khasnya pihak kementerian, walaupun perkara ini kecil.....

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong minta laluan, boleh beri?

**Tuan Yim Chee Chong:** Tadi, Yang Berhormat menyebut tentang RM4,500, adakah fare kapal terbang ke London dan pulang? RM4,500 fare apa itu? Kalau dari Kuala Lumpur ke London, dahulu semasa saya menuntut di UK saya naik Aeroflot tambangnya RM650 sahaja, PIA tambangnya RM750 untuk pergi sahaja. Kalau balik tambah lagi RM750, jadi hanya RM1,400 lebih kurang. Tetapi kalau Yang Berhormat mengatakan RM4,500 saya ingat banyak jugalah kalau dibandingkan dengan masa dahulu. Saya sudah lama tidak pergi London, tidak tahu berapakah fare sekarang ini? Minta penjelasan, terima kasih.

**Tuan Rahim bin Baba:** Saya gak tambang pergi-baliklah. Saya pun tidak membaca secara mendalam atau secara detailnya. Tetapi kalaupun tambang pergi-balik, saya pun tahu sebab saya terlibat juga dalam travel business ini. Ini is a full fare yang dikenakan kepada penuntut-penuntut, tidak adillah sebab mereka ini terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah, selepas itu pinjaman dan kena pula bayar, sedangkan sesetengah pihak mendapatkan keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangatlah berharap supaya pihak kerajaan tidak ada kompromi langsung dalam soal pendidikan ini. Berapa pun kalau kita perlu belanja kita kena belanja, jangan ada sekatan-sekatan. Saya sendiri sebagai individu kalau anak saya minta duit untuk belanja sekolah, saya tidak ada compromise. Kalau saya ada RM10, kalau dia minta RM20 saya sanggup hutang dengan isteri saya RM10

lagi, untuk diberikan kepada anak saya. Pihak kerajaan pun sepatutnya macam itu, walaupun hutang, jangan sekali-kali kita kompromi dalam soal pendidikan, kerana ini sahaja harapan kita, harapan orang-orang bumiputera untuk mendapatkan pendidikan di luar negara.

Saya berharap soal kemampuan, soal MARA menaja pelajar-pelajar di luar negara ini akan berakhir dan tidak akan timbul lagi pada masa-masa yang akan datang. Kadang-kadang, bila saya baca akhbar pelajar-pelajar ini pergi mengadu sini, pergi mengadu sana, pergi mengadu kepada Pengerusi Majlis Belia Malaysia pun malu rasanya, akhirnya kerajaan beri juga, tetapi the damage is already done, seolah-olah orang Melayu kena minta sedekah, kena mengadu sini, kena mengadu sana. Sepatutnya perkara ini kita bincangkan, tidak payah mereka mengadu-adu, the moral is already down, dengan izin,, kerana terpaksa pula minta sana, minta sini dan juga dengan satu tekanan perasaan. Saya berharap pada masa-masa akan datang perkara ini tidak akan berlaku lagi dan juga kan diambil ingatan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya tanya kepada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan ialah mengenai peruntukan kepada Pusat Khidmat Kontraktor. Kita tahu kerajaan telah pun menubuhkan Lembaga Pembangunan Pembinaan Malaysia (CIBD). Saya nampak fungsinya pun sama juga kedua-duanya. Saya tidak mahu besok satu hari kita sudah ada dua badan selepas itu kita mansuhkan, kita gabungkan menjadi satu badan. Kita sudah belanja banyak duit, duit ini pun duit rakyat, jangan ada pembaziran-pembaziran.

Saya hendak minta penjelasan apa fungsi CIBD dan apa fungsi Pusat Khidmat Kontraktor? Kalau perlukan CIBD cuma CIBD sahaja, tidak perlu lagi Pusat Khidmat Kontraktor. Kalau sudah ada Pusat Khidmat Kontraktor kita gunakan Pusat Khidmat Kontraktor sahaja, tidak perlu sampai dua tiga badan yang ditubuhkan, sengaja kita tubuhkan dan melibatkan perbelanjaan yang lebih, melibatkan kewangan rakyat yang lebih dan melibatkan pembaziran yang lebih. Saya percaya pihak kementerian akan dapat memberikan penjelasan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Kesihatan yang telah pun diberikan peruntukan sebanyak RM119 juta untuk kenaikan kadar Tenaga Nasional Berhad, kenaikan kadar kos ubat-ubatan dan juga subsidi rawatan di Institut Jantung Negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ubat-ubatan ini, saya berharap supaya lebih banyak lagi peruntukan kewangan digunakan oleh pihak kementerian untuk



menjalankan penyelidikan. Baru-baru ini saya terbaca di akhbar *Asia Times* kalau tidak silap saya iaitu terdapat satu berita bahawa dituliskan di situ ‘*Sarawak trees provide AIDS hope*’, saya pun seronok jugalah nampak ada pokok daripada Sarawak, nama pokok itu ‘bintanggur’, betul Yang Berhormat ya?

**Tuan Ding Seling:** Ya.

**Tuan Rahim bin Baba:** Kerana Tuan Yang di-Pertua daripada Sarawak, saya bertanya, yang boleh mengubati AIDS, tetapi yang membuat penyelidikannya, saya baca, saya pun terperanjat juga, namanya Tom Flevin daripada *Medicum Research* di Chicago. Jadi, di mana penyertaan kita sendiri, di mana penyertaan saintis-saintis Malaysia? Tidak bolehkah kerajaan memberikan peruntukan kerana bintanggur ini kononnya boleh mengubati AIDS dan ini bukannya dikeluarkan di surat-surat khabar nyamuk, ini dalam surat khabar di *Asia Times*, surat khabar yang ada kredibiliti dan saya percaya orang di seluruh dunia pun lihat, oh bahawa di Malaysia, di Sarawak ada pokok yang kemungkinan boleh mengubati AIDS satu hari besok.

Jadi, di sini sepatutnya lebih banyak lagi peruntukan diberikan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan, kerana ini ada kena mengena dengan soal perubatan, berikan kepada Kementerian Kesihatan umpamanya untuk membuat penyelidikan terhadap bahan-bahan asli yang terdapat di negara kita ini. Ini telah pun terbukti bahawa pokok bintanggur itu boleh digunakan, boleh dibuat *research* oleh pihak-pihak yang tertentu. Mengapa orang lain pula boleh datang membuat *research* di negara ini pada hal kita sendiri pun mempunyai kepakaran-kepakaran ataupun mempunyai pakar-pakar penyelidik. Saya berharap kepada pihak kementerian supaya memberikan lebih banyak lagi peruntukan-peruntukan ini.

Dahulu, kita heboh soal penyakit cholera, selepas itu wabak itu dapat diatasi dan kesannya sungguh mendalam, banyak pelancong-pelancong yang sepatutnya datang ke Malaysia tidak jadi datang dan sebagainya. Hari ini saya pun tidak tahu macam mana Kementerian Kesihatan menangani soal penyakit denggi. Penyakit yang sungguh-sungguh ditakuti khasnya oleh penduduk-penduduk di kawasan bandar. Ramai yang telah pun meninggal dunia kerana penyakit denggi. Sepatutnya Kementerian Kesihatan mesti mencari jalan bagaimana hendak mengatasi wabak denggi berdarah yang ada sekarang ini. Kadang-kadang demam selama tiga hari, kita pun tidak tahu kerana kita telah biasa demam, makan panadol hari pertama tidak juga elok, makan panadol pada hari kedua, hari ketiga, hari keempat ramai di antara kita telah pun meninggal dunia dan juga mati disebabkan penyakit denggi. Satu

peperangan secara besar-besaran oleh pihak Kementerian Kesihatan hendaklah dijalankan untuk mengawal ataupun menghapuskan penyakit denggi ini.

Saya dengar setengah-setengah kawasan kadangkala, setengah-setengah majlis bandaran, kalau kita kompelin nyamuk banyak di kawasan kita, di rumah kita, dia kata: “Sekarang ini kerja-kerja itu telah pun diswastakan”. Okaylah, bila telah diswastakan kita panggil pihak swasta, sembur nyamuk tentulah disembur di kawasan rumah kita juga. Kita pula duduk di kawasan-kawasan rumah teres kerana setengah-setengah itu dia sembur di hadapan rumah itu, di sekeliling rumah itu sedikit, mana yang ada, tetapi pada malam besok atau malam lusa itu, nyamuk di kawasan-kawasan lain akan datang balik. Tugas ini bukannya boleh diswastakan kepada pihak-pihak yang tertentu. Kalau hendak memerangi, hendak menghapuskan nyamuk, menghapuskan lalat dan sebagainya, ini adalah tugas pihak majlis bandaran, tak boleh diswastakan, kalau hendak diswastakan kena swastakan seluruh sesuatu kawasan perumahan itu.

Saya kena menyebut balik negara Singapura, kalau Singapura boleh mengadakan satu slogan ‘it is a pest free country’, tidak ada lagi soal nyamuk, lalat ataupun sebagainya, ini memang dijadikan tujuan. Peruntukan yang lebih mesti digunakan, diberikan kepada Kementerian Kesihatan untuk tujuan-tujuan ini. Kita sekarang ini bukannya hendak hidup sahaja, kita hendakkan hidup yang lebih berkualiti, lebih bermakna lagi, lebih sihat daripada keadaan sekarang ini. Kalau kita lihat sekarang ini, kadangkala kita takut, kadang-kadang kalau saya kena gigit nyamuk ini saya berasa bimbang, dahulu saya tidak kisah. Sekarang ini bimbang, takut-takut kalau nyamuk denggi ataupun sebagainya. Jadi, tugas yang secara bersungguh-sungguh hendaklah dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk membanteras nyamuk-nyamuk denggi keseluruhannya kerana ianya telah pun menjadi satu wabak nampaknya. Ramai yang telah pun meninggal dunia dalam soal-soal denggi ini.

Kalau tidak cukup peruntukan, beri lagi peruntukan, kita di Dewan Negara ini bila-bila masa pun boleh meluluskan sebarang peruntukan yang diminta oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan RM830,000 untuk dicarumkan kepada Tabung Biasiswa Sukan Persekutuan. Tabung Biasiswa Sukan ini untuk pelajar-pelajar cemerlang. Pagi tadi apabila saya bangun dari tidur sahaja, saya terbaca dalam salah satu daripada akhbar, kerajaan menghantar

tape kepada pemain badminton kita Chua Soon Kit, namanya saya tidak berapa ingat, saya berminat jugalah, tetapi yang hendak saya timbulkan di sini ialah memang kalau kita hantarkan tape daripada ibu bapa kita menimbulkan satu semangat, satu dorongan kepada kita. Saya mencadangkan dalam event yang besar macam ini, kalau seorang pemain itu dapat mewakili negara, apa salahnya kerajaan berbelanja hantarkan kalau sudah tentu dia hendak masuk final, belanja RM4,000, RM5,000 ataupun RM10,000 pun hantarkan kalau isterinya, isterinyalah ataupun hantarkan ibu bapanya untuk pergi menghadiri melihat supaya memberikan galakan, rangsangan kepada mereka yang bertarung untuk negara ini.

Ini terpaksa pula hantar tape, Dato' Dr. Abdullah Fadzil Che Wan kena balik ke Kuala Lumpur bawa tape, dengarkan tape ini kepada kedua-dua pemain kita di Atlanta sekarang ini. Saya fikir sepatutnya kerajaan berbelanja RM10,000 atau RM20,000 pun tidak mengapalah, hantarkan mereka ini ke luar negara pergi sama-sama untuk memberikan rangsangan. Ini sepatutnya difikirkan, ada 'forward thinking' oleh pihak yang tertentu kerana mereka yang bermain itu bukannya kerana hendak dapat duit sebanyak RM160,000 ataupun sebagainya itu bukannya kerana hendak dapat duit sebanyak RM160,000 ataupun sebagainya kerana lebih untuk kepentingan negara. Kalau kita boleh hantar, saya dengar kadang-kadang seorang pemain pergi bermain kadang-kadang dia punya ratio sampai empat ataupun lima orang pegawai yang pergi. Apa salahnya kalau pemain itu sudah sampai ke tahap-tahap yang tertentu kita hantar mungkin dengar adanya rangsangan daripada keluarga yang terdekat, dengan orang yang tersayang kadangkala performance kita itu lain sedikit. Saya agaklah, kadang-kadang itu kalau ada orang yang kita sayang di hadapan kita, keadaan kita untuk bermain itu lebih kuat lagi agaknya.

Saya berharap pada masa-masa yang akan datang difikirkan perkara-perkara ini walaupun oleh kementerian-kementerian yang berkenaan khususnya oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan juga saya berharap pandangan yang telah pun saya berikan tadi akan dapat diterima dengan baik dan dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Mustaffa Kamal.

**5.10 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini bagi menyokong rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagai tambahan perbelanjaan.

Tadi, Ahli-ahli Yang Berhormat banyak menyentuh beberapa kementerian. Saya juga ingin menyentuh Kementerian Kesihatan, yang mana B.34 dalam senarai ini sebanyak RM119 juta diperuntukkan bagi menambah untuk membeli ubat-ubatan seperti panadol dan sebagainya. Pada dasarnya kita memang setuju tambahan ini diberi kepada kementerian yang berkenaan, akan tetapi dalam peruntukan untuk membeli ubat-ubat ini kementerian harus peka dan prihatin terhadap ubat-ubat ini. Di samping kualiti dan sebagainya, kadangkala ubat-ubat ini tidak dikawal di hospital-hospital yang memberi ubat-ubat demikian.

Sebagai contohnya, ubat “lethargy” yang diberi kepada orang gila untuk menahan tekannya – keluar. Sekarang ini tidak tahulah apa jenis orang pakai – kalau setahun, dua dahulu “lethargy”. “Lethargy” ini merupakan satu ubat yang apabila pesakit jiwa itu sampai ke tahap yang tidak dapat dikawal, diberi ubat ini. Dan dengan memakan ubat ini dia akan tenang, dia akan relax dan selepas itu dia tidur. Tetapi ubat ini bagaimana boleh dapat ke tangan-tangan orang tertentu? Ini yang saya hendak tanya. Kadangkala kita boleh dapat ubat ini di stesen-stesen bas dan digunakan oleh penagih-penagih dadah. Apabila dia tidak dapat dadah, dia gunakan ubat pencegah orang gila. Selepas dia makan ubat itu dia pun macam orang gila, melilau sahaja dalam pekan. Ini satu kecuaiian daripada pihak Kementerian Kesihatan.

Satu perkara lagi saya ingin menyentuh tentang rumah sakit jiwa ini. Saya amat sedih, apabila saya selalu membuat lawatan, kadang-kadang pada hari minggu bila saya senang, saya pusing sekali, tetapi bukanlah saya minat sangat hospital gila ini, akan tetapi oleh sebab berhampiran dengan bandar Ipoh, kadangkala saya melalui Jalan Tanjong Rambutan, saya lihat bangunan ini, kalau kita sendiri masuk ke bangunan itu, kita pun gila. Bangunan ini layak untuk pesakit dracula sahaja duduk dalamnya, dengan usangnya – tidak dicat, bangunan ini dibina sebelum perang dunia. Bagaimanakah pesakit jiwa itu hendak baik? Kalau dia duduk di dalam pun sakit jiwa, tengok keadaan dinding, lantai, apakah salahnya Kementerian Kesihatan. Janganlah pesakit biasa sahaja diberi tilam yang cantik dan sebagainya, tetapi pesakit jiwa juga, wad-wad mereka harus diberi perhatian yang serius. Ini saya lihat jaring-

jaring besi yang digunakan itu masih digunakan jaring tahun 30-an. Saya setuju, tetapi apabila kita pegang berkarat, tidak dicat dan sebagainya.

Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak percaya cakap saya, bila sampai ke Ipoh nanti saya boleh bawa – insya-Allah, kita pergi ke Tanjong Rambutan. Kita minta kepada pegawai perubatan itu untuk membuat lawatan rasmi. Bagaimana keadaan pesakit-pesakit jiwa di dalam itu hendak tenang jiwanya, sedangkan keadaannya di dalam hospital itu sendiri menambahkan kita sakit lagi. Yang peliknya, doktor-doktor itu pun, sudah separuh hendak sakit jiwa. Attendant itu, jika kita pergi buat census, tiga suku daripada attendant di Hospital Bahagia, Tanjong Rambutan, mentalitinya sudah tidak berapa betul. Ada yang bercakap seorang, mungkin hutang banyak dengan gaji yang sedikit, ada yang suka kayuh basikal laju dan macam-macam yang saya jumpa, pada hal orang ini bila masuk, normal.

Pernah ibu saudara saya berkhidmat sebagai jururawat di Hospital Bahagia, Tanjong Rambutan dalam tahun 1980-an, beliau, sebelum masuk sebagai jururawat, pemikirannya normal dan apabila dalam masa 3 tahun, keadaan beliau sudah lain, sudah tidak begitu, bukan tidak siuman, tetapi mirip-mirip tidak siuman. Jadi, mahu tidak mahu terpaksa berhenti dan balik bekerja dengan swasta, alhamdulillah, keadaan beliau pulih. Inilah keadaan-keadaan yang perlu diambil perhatian oleh Kementerian Kesihatan di dalam menangani pesakit-pesakit jiwa di negara kita. Kalau tidak percaya pergi ke Tampoi. Kalau Tanjong Rambutan jauh pergi ke Tampoi, serupa juga. Sepatutnya, di samping kita mengambil perhatian kepada pesakit-pesakit jiwa ini, kakitangan-kakitangan di Hospital Bahagia ini juga perlu diambil perhatian sebagai satu daripada pesakit jiwa dan doktor-doktor di hospital ini sepatutnya ditukar. Jangan biarkan lama-lama. Sungguh pun dia pakar sakit jiwa, tetapi boleh ditukarkan dia ke Tampoi, dan dari Tampoi tukarkan ke tempat lain dan sebagainya.

Kadang-kadang seseorang doktor itu – saya kenal seorang doktor, dia kata, dia keluar dari belajar terus ke situ sahaja, tidak dapat hendak tukar, saya pun hendak jadi gila sudah –hari-hari tengok patient yang itu juga. Katanya, tidak ada kebebasan. Jadi, saya harap Kementerian Kesihatan harus peka terhadap perkara ini, harus mengambil kira supaya perbelanjaan ini tidak membazir. Terutama dalam ubat-ubatan tadi, saya ingatkan supaya diberi kawalan, ubat batuk hospital yang warna hijau itu sekarang tidak ada, dahulu ada, paling bagus, saya dengar budak-budak cerita, ubat batuk yang hijau itu campur dengan Fanta Grapes itu – kacau sahaja – minum, berdesup perginya – betul. Tetapi janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat cuba.

Nasib baik sekarang sudah tidak ada – ubat batuk yang hijau. Saya ingat Yang Berhormat Itam Wali pun tahu – sekarang sudah tidak ada, semua yang warna hitam. Jadi, penyalahgunaan ubat-ubat dari Kementerian Kesihatan ini haruslah diambil kira dengan terperinci. Kita tidak ada toleransi atau tolak ansur dalam perkara ini.

Satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di bawah peruntukan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri – mungkin ini ada juga bersangkutan dengan usahawan – IKS. Bila bercakap berkenaan dengan IKS ini, orang semua tahu Industri Kecil dan Sederhana – sama ada kecil atau sederhana. Ia amat baik bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan untuk mendirikan industri yang besar dan berat, tetapi kadangkala dalam era menolong atau membantu usahawan-usahawan ini, kadang-kadang-kadang kementerian, saya tidak tahulah, mungkin tidak dapat dikawal, atau sengaja dilakukan. Sebagai contoh, sebuah industri kecil dan sederhana iaitu industry parknya, diletakkan di atas bukit yang tinggi, di tanah yang tidak sama dan saya lihat sudah dekat setahun dia meratakan sahaja, buat lavelling, tidak siap-siap, kosnya tinggi.

Sepatutnya kementerian pergi dahulu ke tempat itu, baru membeli tanah atau mengambil land acquisition. Ini yang saya timbulkan keraguan, kenapa beli tanah tinggi, pada hal tanah pamah masih banyak di sekitarnya. Adakah di situ ada .....? Nanti ceritanya ke lain pula. Di situ ada satu tanda persoalan, kenapa ambil di tanah yang tidak sama? Ini contoh IKS di Kuala Kangsar. Mana Yang Berhormat Puan Rahaiah, ini kawasan dia. Sudah keluar? Pergi tengok, sampai sekarang tidak siap? Adakah tiap-tiap projek kita hendak suruh BPR pergi siasat dahulu baru buat projek? Pada hal tanah di sekitar Kati dan sebagainya, saya rasa banyak yang rata, kenapa di atas bukit? Ini bukan resort, ini industri kecil dan sederhana. Hendak bawa mesin turun susah, hendak bawa naik pun susah. Pekerja hendak naik ke atas bukit itu pun setengah mati, naik sempit. Inilah tidak diambil perhatian.

Saya ingatkan kementerian yang berkenaan harus peka, jangan ambil sambil lewa. Kalau macam ini, banyak tokoh-tokoh di dalam kementerian berkenaan, rakyat akan menanggung beban hutang ini sampai bila-bila. Ini serius, bukan kita hendak hentam, bukan kita hendak bantai, kita cuma buat teguran. Teguran ini akan membina.

Kalau cakap saya ini kosong dan bohong, sila. Banyak Ahli Yang Berhormat mampu bawa ke tempat berkenaan. Tidak mahulah sebut tempat lain. Ada IKS di Lembah Kinta, dia cari lombong yang luas ditimbus. Masya-Allah, hendak menimbus

lombong yang luas itu. Di Kampar hendak buat. Saya dengar cerita hendak buat di lombong, baguslah, IKS atas lombong, ‘floating industry’. Esok dengan kementerian, dengan industri mengapung. Kena berhati-hati. Jangan gunakan duit rakyat sewenang-wenang. Gunakan duit rakyat untuk manfaatkan rakyat. Ini jelas. Bukanlah suara saya ini tinggi, tetapi suara saya tinggi kerana semangat, semangat berjuang. Kalau tidak percaya boleh lihat, saya bukan bercakap kosong, di Kampar sebagai contohnya. Di Kuala Kangsar, belum lagi kita pergi ke Pahang, belum kita pergi ke Sabah dan Sarawak. Sengaja dia cari. Tanah itu pula bukannya murah, tetapi mahal.

Inilah saya menimbulkan satu persoalan yang sukar dijawab. Kalau kita hendak berbincang berkenaan IKS sampai esok pagi tidak habis. Jadi, kita beralih ke lain.

Kementerian Penerangan pun kita kena sentuh sedikit. Bagilah, tidak mengapa. Kita sokong peruntukan RM5 juta untuk Kementerian Penerangan. Ini cerita parabola. Parabola ini pun satu masalah juga. Sudah lama sangat, semua orang hendak parabola. Kalau tidak percaya tanya dan buat ‘census’, Ahli-ahli Yang Berhormat sudah hendak tempah, RM4,000 satu set parabola. Tetapi sampai sekarang belum dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini diperbincangkan undang-undang dan peraturan, masih tertangguh, tertangguh, tertangguh lagi.

Kita takut, kita beri atau tidak beri, lulus atau tidak lulus undang-undang ini, parabola telah banyak pun. Sudah banyak merata di Malaysia, terutama di Sabah dan Sarawak, dan bermaharajalela parabola ini, pasang sahaja, dan tak ada censor. Bagaimana kita hendak mengawal budaya kuning ini kalau tidak di ‘censor’. Macam mana kita hendak censor, perkara ini tidak dilulus oleh Parlimen. Satelit kita sudah siap. Saya dengar cerita ada ‘negotiate’ pula lagi parabola dengan Binariang. Binariang kata. “saya mungkin menimbangkan suatu konsesi kepada kerajaan, mungkin percuma untuk parabola. Tetapi bagi saya, pasangkan 1 milion unit parabola.” Itu pertama. Ini yang saya dengar. 1,000 unit maknanya kalau berharga RM3,000 1 unit, maknanya RM3 bilion. Takkan Binariang semua hendak kontrol. Dia dengan satelit dialah.

Bagilah orang berpeluang, IKS banyak. Berikan kepada orang IKS yang kita utukkan ini, buat parabola. Parabola, cuma booster sahaja jadi masalah. Antenna, kalau di Indonesia, ‘gampang pak’, katanya, dengan izin. Di bawah pokok asam jawa sahaja kita bikin. Betul, saya lihat di belakang Geruda Plaza di Medan – bila cakap di

Medan, orang UMNO tahulah. Di belakang Geruda Plaza, di bawah pokok asam jawa, buat antenna parabola. Di sana banyak bahan alumunium. Alcon pun mengeluarkan aluminium yang sama. Ini bukan teknologi tinggi untuk buat antenna.

Berilah kepada syarikat-syarikat IKS memasarkan, itulah kita membantu. Ini semua Binariang hendak sapu. Ini tak adil. Bila suruh hentam dalam Dewan nanti mereka melenting di sana, marahkan Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi kalau tak cakap, perkara ini betul. Sekarang sangkut itulah, barangkali sedang negotiate dengan pihak kementerian, dengan pihak Binariang, 1 milion unit. Esok timbullah harga. Bila dia monopoli market, harga kita pun tak dapat kawal. Mulalah pula kementerian garu kepala, macam mana hendak kawal harga parabola. Hendak beri konsesi ini sudah beri kepada Binariang, timbul pula kritikan-kritikan yang sukar kita jawab. Yang kena, kerajaan jugalah balik.

Saya rasa Kementerian Kewangan ini memang patutlah kita sokong untuk sebaran am dan sebagainya. Akan tetapi, haruslah mengambil kira kemudahan-kemudahan dan kepentingan-kepentingan rakyat jelata. Jangan kepentingan individu yang diutamakan. Ini adalah amat penting.

Saya rasa itulah ucapan perbahasan saya pada petang ini. Saya tidak ingin lagi memanjangkannya, kerana banyak lagi kertas-kertas yang perlu kita bincangkan. Dengan itu, saya mohon maaf jika sekiranya terkasar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Kita beri Datin Hajah Wan Intan.

**5.25 ptg.**

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1996. Tetapi sebelum saya menyokong, ingin saya menyentuh tiga, empat kementerian, ataupun pandangan.

Berkaitan dengan B.34, Kementerian Kesihatan. Saya menyokong cadangan sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Rahim tadi, maknanya katanya kalau hendak peruntukan, kita tak sekat. Kita di Dewan Negara ini selalu meluluskan untuk kebaikan negara. Tetapi saya hendak menyentuh sedikit mengenai Kementerian Kesihatan, kalau boleh dengan boleh, jangan diabaikan, elok barang siapa yang bekerja di Kementerian Kesihatan, kalau hati perutnya atau isi hatinya tidak ada perasaan kebajikan, ada baik dia pilih kerja yang lain. Sebab kerja di Kementerian Kesihatan bertemu dengan muka orang yang sakit. Dia tak jumpa muka orang yang



cantik-cantik, molek, tersengeh-sengeh. Melainkan yang sedih, yang meraung, yang merenyuk, yang sesak nafas dan sebagainya.

Apa yang saya terjumpa salah satu daripadanya, jururawat-jururawat kebanyakan semuanya baik-baik belaka. Begitu juga doktor. Tetapi kerana “setitik nila, rosak susu sebelanga.” Sebab banyak perkara ini terjadi. Saya ada salah seorang daripada Ahli Lembaga Hospital Klang, sudah belasan tahun, tetapi saya tak pernah marah, saya nasihat dengan baik. Salah satunya baru-baru ini terjadi, iaitu saya sendiri terkena. Sebab manakala ibu saya sakit, saya bawa masuk hospital. Umur dia sudah 85 tahun. Bila kita jumpa dengan doktor-doktor yang muda-muda – doktor tua-tua tidak begitu tabiatnya. Tetapi yang muda-muda, yang kakak-kacak, yang kecil molek pinggang ramping, kalau dia datang kerja, tak payahlah dia hendak toleh kiri kanan.

Saya biasa di hospital ‘at one time’, dengan izin, tahun 1951. Kita datang ke hospital, pesakit nampak kita macam bidadari, macam tempat dia bergantung, tempat dia bermanja. Kadang-kadang hilang rasa sakit bila nampak muka doktor. Ini masam sahaja muka! Kalau bergaduh dengan suamikah atau boyfriend di rumah, di situ kena tukar muka. Tak boleh masam monyok, tak boleh. Sesudah itu dia tanya kita, sejak berapa lama sakit. Saya cerita, emak saya baru dua hari sakit. Berapa lama sudah kena sakit? Saya kata, saya tak ingat, saya tak bela emak saya, yang belanya ialah adik saya. Ini saya hendak menolong!

Jawapannya berlain dengan soalan saya. Saya kata, yalah doktor, nak menolong saya tak tahu. Habis, kalau tak kerjasama macam mana hendak menolong! Sudah besar suara dia. Kita cakap dengan lembut. Dah mula saya pun naik angin. Saya hendak panggil adik saya, sekarang saya buka beg tangan. Saya panggil hendak? Tak payah, tak payah. Dia nampak muka lain, dia diam. Ini surat doktor, ada daripada private doctor, bacalah. Tak payah, katanya. Macam itu adakah seorang doktor? Itulah laporan yang sebenar.

Terus dia bertanya, “saya hendak cakap dengan emak awak”. Saya kata, emak saya ini nyanyuk, jangan ditanya. Selepas itu, dia periksa lebih kurang, dia tinggalkan. Saya pun tak cakap apa-apa.. Sebelah paginya, jam 6.30 pagi, seorang perempuan datang, bekas isteri Wakil Rakyat membawa ibunya umur 70 tahun, dengan sesak nafas. Datang seorang doktor perempuan yang muda lagi, kecil molek juga, datang sahaja tidak bertegur sapa. Kita orang tua pun dia tak tegur, “mak cik,

apa khabar makcik” Itulah caranya orang jadi doktor. Sempat lagi kalau dia ketuk dan bertanya “apa khabar mac cik” dan terus pergi ke tempat lain.

Soalnya yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, patutkah dia bertanya, “apa yang membuat mak cik sakit-sakit sangat hendak datang pukul 6.30 pagi ini?” Adakah itu satu soalan?” Saya sedang baca ‘Yasin’, terencat, tak tetap iman saya kerana kacau dek syaitan tadi. Tak boleh baca. Soalan itu tak kena pada orang yang sakit. Seolah-olah hujung cakupnya “aku hendak balik atau aku hendak rehat, kenapa engkau datang mengganggu, aku hendak habiskan masa aku ini,” seolah-olahnya. Sebab saya sudah berpengalaman di hospital. Jawab Datin Aminah tadi, “saya datang pasal emak saya sakit.” Dia bertanya, “kalau sakit, apa sakitnya.” Katanya, “dia tak boleh bernafas.” “Sakit sangatkah datang pukul 6.30 pagi ini?” Bila Datin itu pandang muka saya, saya sudah beri signal, saya buat macam ini, maknanya “go ahead” engkau, tak mengapa. Bila dia kata, “kalau ikut hati aku, aku tak bawa emak aku di sini kalau emak aku baik.” Sudah ber”engkau-engkau”. Baru dia bertanya, mak cik kenapa marah?” “Awak punya bahasa kesat”, baru dia senyap.

Kemudian saya tidak melapor kepada sesiapa pun. Saya memang simpan hendak bawa ke sini beritahu Kementerian Kesihatan supaya beri kursus terperinci tentang budi bahasa doktor melayan patient. Jika tidak, tak guna ambil beribu-ribu.

Kalau kita cakap baik, orang yang sakit itu lembut hatinya. Kalau kita cakap macam itu, dia hendak balik masa itu juga. Jadi, saya berharap nurse dan “ayama” juga, “ayama” lagi tidak sedap, duduk, tidur, bangun, “bed pan” sijaga itu angkat. “Ayama”, dutinya angkat tempat kencing. Itu kerjanya. Orang buang air besar, dia cebuk, angkat. Tidak, tidak payah, semua sudah beres kita buat. Sudah banyak kita bereskan untuk menolong hospital tetapi gayanya. Dan ada lagi seorang doktor, saya cakap tadi orang Islam. Ini doktor dari Sabah. Dia bukan orang Islam. Saya perhati tingkah lakunya. Dia datang, dia tanya, “Apa sakit?” Mahu tunggu di mana? Pergi pintu sana.” Itu secara seorang doktor. Dia busy body. “Awak sudah ambil ubatkah? Awak tunggu ya?” Itu caranya. It is not her business, dengan izin, tetapi dia ambil tahu orang itu duduk di kerusi itu. Itu caranya, dia orang Sabah. Namanya saya tidak ingat, tetapi saya merasa bangga.

Lagi sekali, cucu saya yang lelaki, accident – daripada pukul 10.00 pagi sampai 4.00 petang. Tidak minum, tidak makan. Belum ditengok pun. Saya tunggu. Saya tidak mahu kata saya ini Datin, saya ini Senator. Tidak. Saya buat macam orang bodoh, giliran kita belum sampai. Bila adik saya tanya cucu saya sama ada dia

haus, hendak minum air seteguk. Tidak boleh, sebab hendak operation atau apa. Adik saya yang lelaki degil. “Doktor, bolehkah saya beri sedikit air kepada cucu saudara saya?” Saya kata, “Tidak boleh Sham”. Dia jawab, “bukan doktor, saya sapu-sapu sahaja di sini untuk hilangkan haus.” Apa dia jawab? “Suka hati awaklah!” Itukah doktor? Hendak sahaja saya menjawab, “Eh, engkau jangan jadi doktor lagi”. Tetapi saya beristighfar banyak-banyak.

Sampai hari ini saya tidak tegur, saya diamkan kes ini. Begitu bahasa seorang doktor. Nurse pun pandang saya. Inilah saya minta kalau boleh diberi nasihat supaya hospital kita berjalan dengan cemerlang dan tidak dikutuk oleh orang. Itu sebab orang ramai pergi ke luar. Mahal pun, mereka bayar, layanan first class. Kita tidak mahu. Kerajaan – layanan first class. Bukan private. Itu yang kita hendak. Kalau hendak beri lecture, kalau tidak ada orang, panggil saya. Saya datang. Insya-Allah, free of charge. Boleh saya beri. Biar saya ajar dia ‘alif, ba, ta’ semula.

Berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, perbelanjaan tambahannya begitu banyak – RM493,133.00. Tidak apa. Belanjalah banyak-banyak asalkan benda itu canggih, cantik, cemerlang – tidak mengapa.

Berkaitan dengan hal pengangkutan. Kementerian Pengangkutan ini kenapa ia minta sedikit? Hairan pula saya. Kementerian Pengangkutan ini sepatutnya boleh. Saya beri contoh, baru-baru ini saya pergi ke airport hendak cari Kolej Trafik Udara. Berjumpalah saya Kolej Trafik Udara Antarabangsa – bukan kelab. Kolej Trafik Udara Antarabangsa. Tetapi bila saya tengok bangunannya, papan, uzur – macam muka kitalah, yang lama. Tuan Yang di-Pertua belum lagi lama. *[Ketawa]* tetapi, sungguh lama pun kuat, bukan tidak kuat. Tetapi tidak secanggih macam antarabangsa. Bila saya tanya orang di situ, kepada kerani-kerani, dia kata, “Eh, tidak ada. Ini tidak lama, Mak Cik. Hendak dibuat baru. Cantik, lawa kalau hendak buat. Kalau sudah dalam proses, tidak apalah. Kalau buat biarlah canggih macam bangunan yang hendak dibuat di Sepang itu. Barulah sama setaraf. Sepang naik dengan canggih, yang di sini pun canggih. Tempatnya bersih. Hendak mendidik pelajar Kolej Trafik Udara ini budak-budak muda. Kalaulah tempat macam itu, si pelajar pun tidak bersemangat hendak pergi saya rasa. Kalau buat canggih-canggih, memang orang hendak belajar pun riang hatinya.

Saya rasa eloklah kalau dibuat dengan syarat saya difahamkan kekurangan arkitek, kekurangan engineer – janganlah tunggu-tunggu, balik-balik JKR. Kementerian Pendidikan pun hari itu beri kepada JKR. Ini memakan masa.

Kementerian Pendidikan ada JKR di Kementerian Pendidikan. Kementerian Pengangkutan mesti ada engineer-nya sendiri, arkiteknya sendiri – tidaklah mengganggu kementerian lain. JKR bebannya sendiri pun tidak terhabiskan. Jangan ganggu JKR. Kita hal kita, dia hal dia. Jadi kerja-kerja jadi cepat, tidak payah bertanya ke sana sini. Dia jadi cemerlang. Macam 007 – dia terus menjadi. Kalau boleh kita punya engineer. Mana boleh Malaysia tidak ada engineer. Kita sudah bangga dengan ekonomi kita, meletup di sana sini dan merebak-rebak. Apa lagi yang kita hendak bimbangkan. Jangan, ini untuk negara kita. Jangan pinjam engineer orang lain. Orang sana hendak pakai, jadi dia seorang itu macam orang gila. Orang panggil di sana sini. Kita panggil, JKR panggil. Lama-kelamaan bersepai dan tidak jadi.

Ada baiknya Kementerian Pengangkutan ini kalau boleh memandangkan rumah-rumah yang mana uzur seperti tempat pekerja, tempat orang yang high rank, lower rank ini pun sedih. Begitu juga kalau hendak beri bintang-bintang. Jangan high rank sahaja yang dapat bintang, low rank pun hendak diberi sama. Pegawai-pegawai semua mesti dapat bintang. Kadang-kadang saya hairan, kerja bagai hendak gila satu benda dia tidak dapat. Saya harap kalau boleh bila hendak beri bintang, jangan kira orang di atas sahaja, orang sederhana, orang bawah sekali pun apa salah, dia memang bekerja dengan ikhlas dan jujur.

Ini berkenaan dengan pendidikan. Pendidikan begitu juga. Kali ini tidak ada terus untuk Kementerian Pendidikan. Apa sebab? Duit tidak habis kalau kita minta. Kalau boleh dibelanjakan, kepada sekolah yang runtuh di Taman Terbebai, di kampung saya ini yang berhampiran rumah saya telah tersadai dua tiga tahun. Mana engineer-nya? JKR juga. Tidak usah. Cari engineer dan arkitek kita sendiri. Sekolah tersadai, budak-budak tidak cukup tempat untuk bersekolah. Sepatutnya sudah siap.

Jadi, kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap, kita ada duit patut kita gunakan untuk negara kita. Apa salahnya? Tidak mengapa. Biar buat rumah cantik-cantik. Rumah guru di sekolah pun sedih keadaannya. Rumah guru besarnya nampaklah elok sedikit. Tetapi bagi rumah guru kadangkala cukup sedih dan sekolahnya pun ada yang tidak memuaskan. Itulah habiskan duit berjuta-juta beri kepada JKR macam yang saya cakapkan dahulu di dalam Parlimen yang indah ini, JKR beri kepada “raksasa” sana sini, beri dua, beri empat – yang dapat si kerdil. Bila buat rumah, yang baik dipecahkan, yang buruk tidak dipecahkan. Tidak

berpengalaman. Kalau boleh biar engineering kita punya sendiri. Tidak payah minta daripada JKR, jadi benda ini berjalan dengan licin.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada apa-apa. Hanya saya menyokong lagi sekali Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1996 ini. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

**5.39 ptg.**

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak menyentuh sedikit sahaja mengenai dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1996 kerana semasa perbahasan rang undang-undang ini kita boleh menyentuh banyak perkara.

Pertama, saya hendak tanya pihak Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab kepada pihak Bank Negara Malaysia. Dalam masa beberapa hari ini, saham di Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh dan saya difahamkan ianya ada kaitan dengan cerita Malayan Banking. Sebab saham Malayan Banking jatuh lebih kurang RM3 kalau tidak silap saya. Apakah benar mengikut cerita-cerita yang saya dapat ianya berlaku kerana arahan Bank Negara Malaysia supaya write-off hutang Perwaja Steel, Terengganu sebanyak RM200 juta. Memang ada provision, Tuan Yang di-Pertua, yang diperuntukkan di mana setiap bank boleh write-off hutang-hutang ini tetapi sekadar 3% tetapi kenapa sampai RM200 juta atau hampir 100%? Yang menyebabkan, itulah yang saya rasa saham Malayan Banking jatuh menjunam. Sepatutnya Bank Negara Malaysia membantu mengukuhkan pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur yang kita megah-megahkan ini.

Saya hendak tanya benar atau tidak? Oleh itu, sehubungan dengan ini saya hendak tahu dengan cara terperinci kalau boleh – kalau bolehlah, jika tidak ada – tidak ada masalah. Sekiranya boleh, perkiraan penswastaan Perwaja Steel Terengganu macam mana? Walaupun sudah diumumkan diberi kepada Maju Holdings, Kumpulan Lions dari segi peratusnya, tetapi bagaimanakah perkiraannya atau berapa banyak kerajaan dijangka dapat pulangan balik perjanjian yang dibuat dengan pihak syarikat yang mengambil alih Perwaja Steel ini? Kalau write-off sana, write-off sini, harta Perwaja itu ribu juta, sesiapa ambil pun “gold mine”lah, walaupun bunyi syarikat itu rugi. Jadi saya hendak tahu sebab ini membabitkan kepentingan rakyat, kita hendak tahu secara terperinci, detail bersabit dengan pengambil alih Perwaja Steel oleh syarikat yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini negara kita semakin masyhur, Menara Kuala Lumpur sudah pun beroperasi. Jadi, sesiapa yang belum naik lagi, pergi naiklah bayar RM8 tengok keindahan Bandaraya kita, insya-Allah kemungkinan bangunan pencakar langit yang tertinggi akan siap tidak lama lagi. Lapangan Terbang di Sepang, Putrajaya tidak lama lagi – ini semua kebanggaan kita dan kejayaan kita, sehingga hebatnya negara kita ini sampai kepada cerita penceraian.

Saya tidak hendak sebutlah hal peribadi orang, sebab ini hal rumah tangga, tetapi ada kaitan dengan ekonomi negara, sehingga cerita penceraian seorang tokoh korporat Malaysia sekarang ini lebih hebat daripada Puteri Diana. Penceraian Puteri Diana dengan Putera Charles hanya membabitkan £17 juta sahaja, tidak sampai RM50 juta. Ini tuntutan sampai RM500 juta. Bermacam-macam artikel sudah keluar – ini besar, sebab itulah kalau boleh perkara-perkara yang kecil kita besarkan pula.

Saya baca beberapa artikel yang saya rasa agak tidak baik juga kepada sistem perjalanan undang-undang negara kita. Saya tidak hendak cakap panjang sebab saya rasa tidak sedap hendak sebut perkara ini. Tetapi ada kena-mengena dengan imej negara kita, sebab kekayaan ini dibina daripada hasil pembangunan negara kita, sebab itu orang kata, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kaya, tetapi kadang-kadang tidak membawa kebahagiaan, sebab itu kebahagiaan itu bukan sahaja berasaskan kepada kekayaan.

Pembangunan, kekayaan hanya sekadar untuk menampung hidup dan mencari keselesaan, tetapi bukan mencari kebahagiaan kepada rakyat, Tuan Yang di-Pertua, memang kita mahu kepada jalan, kita mahu kepada bermacam-macam pembangunan. Tetapi harus diingat bahawa the ultimatenya nanti, kebahagiaan yang paling unggul bukan terletak kepada harta dan kebendaan.

Kita lihat betapa banyak pun kekayaan, kita duduk di singgahsana sekali pun seperti Putera Charles, tetapi dianya tidak ada makna tentang apa berlaku, sama juga apa yang kita dengar dalam negara kita sekarang ini. Cerita penceraian ini, saya tidak bercadang kata hendak politikkan cerita ini, tetapi boleh memberi pengajaran kepada kita, lebih-lebih lagi bagi orang Islam, saya adalah orang Islam, sebab harta itu kita hendak kejar setakat mana sangat. Sebab itu saya setuju dengan rakan saya tadi yang menyebut bila ada tender-tender ini, kalau yang lain-lain itu nampak liat sangat, susah sangat, tetapi yang ada itu dapat macam-macam, sampai ke skru drebar pun hendak buat, sudah disebut berkenaan Binariang tadi. Ini saya tegur secara ikhlas, sebab hendak ke mana, kalau banyak sekali pun, kalau anak ramai sekalipun, jika kerajaan

banyak harta, akhir sekali naik ke baitulmal juga – tidak ke mana harta itu, tetapi bergaduh sana, bergasak sini – kebahagiaan tidak ada. Ini adalah pengajaran yang harus dijadikan teladan, sampai kadang-kadang kita tengok double-standard, redundant dan macam-macam hendak sebut.

Di Genting Highlands contohnya, kita tidak benar orang Islam pergi berjudi, memang dari segi Islam tidak boleh berjudi – haram, orang Melayu, orang Islam tidak boleh masuk, tetapi Syarikat Resort World, Genting World – Lembaga Pengarah orang Islam, saya hendak tahu apa hukumnya? Jangan senyum Setiausaha Parlimen, *[Bercakap kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafei bin Mohd. Salleh]* apa hukumnya? Kalau kita tidak benarkan orang Islam masuk berjudi di Genting Highlands, di kasino dan sebagainya, maka biarlah kita kenakan, kita buat satu undang-undang, di mana syarikat yang membabitkan soal judi di Malaysia ini, orang Islam tidak boleh menjadi lembaga pengarah - lecehlah kalau bekas Ketua Polis Negara bergelar 'Tun' jadi Timbalan Pengerusi Genting Highlands, malas sebutlah, malu! Saya menyebutkan perkara ini supaya yang kita buat biar semua nampak konsisten dari segi undang-undang, konsisten dari segi peraturan. Kerana saya cakap tadi soal kebahagiaan itu bukan terletak kepada kekayaan - bukan terletak kepada kekayaan.

'Peperangan' yang saya kata tadi, harga Puan Sri Noraini lebih mahal daripada harga Puteri Diana £17 juta dengan RM500 juta, tetapi baguslah memperkenalkan negara kita di seluruh dunia, kehebatan tokoh-tokoh korporat negara kita. Sebab itu kekayaan kita beri kepada seseorang janganlah lebih. Ini bukan soal peribadi, saya hanya hendak mengambil contoh supaya dalam kita memandu pembangunan negara, jangan kita buat orang-orang kita lupa daratan, kerana kita ini manusia. Bila kita manusia, kita bukan maksum, kita manusia (human being), Tuan Yang di-Pertua, maknanya kita ada kelemahan, boleh satu, hendak satu - boleh satu, hendak satu - boleh sepuluh, hendak sepuluh, maka tidak akan puas dengan kehendak ini, dia tidak akan puas. Jadi kalau kita hendak mengawal perkara ini, kita tengoklah jangan seorang sampai boleh kontrol berpuluh-puluh syarikat korporat, sudah pun memiliki 5 juta, 10 juta saham dalam satu syarikat, kalau dikali menjadi 30-40-50 juta, janganlah pula kepentingan-kepentingan orang lain pun hendak diredahkan, tidak ke mana juga. Kalau pun hendak kahwin empat, dengan apa yang ada itu tidak habis, betul tak Yang Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba? Don't worry! Tidak habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kenapa dituju kepada Senator Tuan Rahim bin Baba?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Maknanya ini dialog saya dengan dia [*kepada Tuan Rahim bin Baba*] sebagai perbincangan [*Ketawa*], maknanya pengertian, penekanan betul tak? Tidak habis! Sebab saya hendak maksudkan tadi....

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Ibrahim!

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana punca mendapat kekayaan yang begitu besar? Macam mana boleh....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, punca kekayaan ini maknanya, betullah, everything base on merit. Kalau orang itu asalnya diberi peluang yang besar, maka dia berjaya. Bila dia berjaya, bila dia bersaing dengan orang lain nanti dialah juga berjaya sebab dia sudah besar, bagi orang lain kalau tidak diberi pertolongan - tidak adalah, they cannot proof dia punya pengalaman, kalau dia tidak diberi peluang.

Hari ini saya tengok syarikat-syarikat gergasi di Bursa Saham Kuala Lumpur, anak-anak syarikat daripada construction ada, trading ada, serba-serbi ada, A to Z - ada, selepas itu pada masa yang sama kita tengok ada syarikat-syarikat sendirian berhad yang merangkak. Nasib baiklah ada skim kontraktor berwibawa sekarang ini, berilah juga tender secara negotiate, sekarang ini pun kita sudah lihat, hendak buka tender semua sekali.

Kalau base on merit, base atas siapa yang harga murah, tidak usah fikirlah - betul, sebab public company ada construction company, dia ada jentera, jentolak, kemudahan kewangan, supply, macam-macam dia ada, bertanding dengan satu lagi syarikat kelas A, alat pun kelas A, tengok harga memang berbeza hampir RM5 juta hingga RM10 juta, sebab dia ada kemudahan kredit, kemudahan kewangan, kemudahan itu, kemudahan ini. Ini apa ada? Sewa itu, sewa ini, kredit itu, kredit ini - kena bayar interest bank, 'gedebak-gedebuk', semuanya. Tahu tak 'gedebak-gedebuk' nanti tidak boleh tulis dalam rekod *Hansard* [*Ketawa*] - tidak boleh tulis pula, maknanya inilah. Jadi macam itulah ceritanya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba eja sedikit, mereka tidak tahu macam mana 'gedebak-gedebuk'. [*Ketawa*]

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Kira tarik baliklah, saya pun tidak 'reti' eja. [*Ketawa*] Jadi maknanya itulah merangkak, bagaimana syarikat vendor hendak bersaing, sekarang ini serba-serbi. Walaupun kita katakan kita mengamal free enterprise, perdagangan bebas, begitu-begini, tetapi memanglah sedikit-sebanyak dari sistem itu kita boleh kawal.



Saya bukanlah hendak kata, kita mesti ada control economy, tidak! Tetapi ada dasarnya, kalau tidak yang baru-baru takkan tumbuh, serba-serbi hendak, sebab satu projek buat pengumuman MOU, naik 10 sen saham, satu projek buat MOU, naik 30 sen, itulah cekup di sana, cekup di sini. Kalau tidak, tak payah lagi ada 'sendirian berhad' dengan 'partnership', kira semua syarikat ini mesti di bawah 'public companies', kalau tidak, tidak hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan perkara ini pun tidak ada masalah, sebab akhirnya matlamat kita hendak melatih bukan sahaja dari segi kejayaan usahawan kita, kita hendak melatih jangan jadi manusia tamak dalam pembangunan ini, yang menjadi tamak inilah. Saya baca artikel masalah cerita tokoh korporat yang saya sebutkan tadi, terlibat dengan bomoh, seluar dalam, habis macam-macam. *[Ketawa]* Saya baca ceritanya dan tentulah seluruh negara membaca cerita di dalam itu. Oh! Bukan main, cerita di dalam itu, kenapa jadi begitu? Sebab satu pihak tidak percaya, kerana kekayaan yang ada ini tidak percaya lagi rakan seperjuangan yang sehidup semati, ini pun begitu juga. Jadi, sebab apa terjadi begitu, sebab kita beri manusia makan sampai kenyang, memang muntah. Serupa juga dengan air, jangan kita masukkan ke dalam gelas sehingga tumpah, biar kita bawa air di dalam gelas itu, kalau kita berlari pun air tidak tumpah, itulah yang lebih afdalnya. Pembangunan kita pun macam itu juga, pembangunan manusia pun begitu juga, insya-Allah, kita selamat.

Saya hanya boleh bercakap sahaja, bukanlah kata saya ini Mahatma Ghandi-tidak! Saya bukan Mahatma Ghandi, cuma saya bercakap dari segi falsafah sahaja. Maknanya kaedah sekurang-kurangnya, ini untuk ingatan saya sendiri juga kalau tidak pun untuk kita menegur pihak-pihak lain untuk berkongsi bagi kebaikan pada masa hadapan. Memang teruk! Kita tengok, ialah kita ini kadang-kadang kalau kita buat, pada kitalah orang yang kerdil macam kita ini, kalau buat itu pun tak kena, buat ini pun tak kena, itu bagi orang yang kerdil, bagi orang yang besar-besar tak ada masalah. Hari ini dapat lesen telekomunikasi, belanja RM40 juta, RM60 juta sahaja, besok buat pula merger, buatlah macam-macam cerita, buat RM400 juta, RM600 juta - okay, buatlah! Tidak ada hal! Tetapi saya menegur perkara ini supaya akhir sekali kita hendak mencari kebahagiaan seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menyebutkan secara terperinci, cuma saya rasa lebih baik kita menyebutkan dan saya menyampaikan pandangan saya dengan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, habislah bab itu, itu bab mukaddimah! *[Ketawa]* Bab yang kedua, saya hendak .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Mukadimah lamanya macam mana?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, kadang-kadang orang berfalsafah macam saya ini mukadimahnya panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam Ibnu Khaldoun pula ya?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, ya, lebih kurangnya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya agak cukup gembira, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada kerajaan terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pendidikan, sebab ia ada kena mengena dengan sentimental value yang cukup mendalam bagi saya. Saya ucapkan terima kasih dan rang undang-undang pun ada di sini, tak lama lagi kita akan dibentang di Dewan ini untuk kita bahas dan lulus iaitu apabila Menteri Pendidikan mengumumkan di mana ITM sekarang ini boleh berfungsi sebagai sebuah universiti. Ertinya ITM kali ini boleh mengeluarkan Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan juga kedoktoran. Matlamat asal tidak berubah, nama tidak berubah, macam MIT di Amerika Syarikat ataupun Institut Teknologi Bandung.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut perkara ini, sebab pada 24 April 1974, nostalgia hampir lebih kurang 20 tahun yang lalu, siswazah ITM pada waktu itu memperjuangkan supaya ITM dinaikkan taraf ke universiti atau berfungsi sebagai sebuah universiti. Waktu itu pelajar-pelajar bertindak yang agak tidak sihat, kebetulan saya juga waktu itu menjadi pemimpin pelajar di ITM. Saya sedar tindakan itu tidak sepatutnya berlaku sebab kita mencapai kemerdekaan tanpa pertumpahan darah seperti revolusi di negara-negara lain.

Maka segala apa masalah yang timbul di dalam negara kita boleh kita selesaikan secara rundingan tanpa tunjuk perasaan, tanpa berkelahi, tanpa bergaduh, sepatutnya begitulah prinsipnya, tetapi entah bagaimana terjadinya, pada tahun 1974 dahulu saya pun tak tahu, wallahu'alam, macam mana boleh terjadi. Tetapi selepas 20 tahun barulah ianya menjadi kenyataan. Cuba bayangkan kalau 20 tahun dahulu ITM boleh berfungsi sebagaimana kehendak tuntutan pada waktu itu, hari ini pun ramainya jurutera Melayu, akauntan Melayu bumiputera sebahagian besar daripada Institut Teknologi MARA.

Dahulu bila ITM hendak mewujudkan fakulti sekolah kejuruteraan, banyak vice chancellor menentang, majlis pendidikan tinggi menentang, macam-macam isu

timbul. Bila Universiti Pertanian Serdang buat kursus macam ITM - tak ada masalah! Depa patut belajar dari segi penamaan, pertanian ini buat kursus Computer Science pun tak ada orang yang bising, bila ITM hendak buat - bising!

Tuan Yang di-Pertua, tetapi sama ada kita sedar atau tidak, graduan electrical engineer, civil engineer yang keluar ramai, hari ini menampung keperluan kehendak tenaga pekerja mahir profesional datang daripada ITM. Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya hanya mengeluarkan seorang sahaja setahun, malah patut ITM diizinkan mewujudkan fakulti perubatan. Dengan kelulusan itu berfungsi sebagai taraf universiti, kita juga berharap ITM tidak dihalang untuk mengadakan pelbagai kursus termasuk saya cadangkan diizinkan ITM memulakan sekolah perubatan. Kita masih kekurangan doktor. Kalau doktor kita mencukupi tidak mengapa, kita masih kekurangan doktor. Kita ada UKM, USM, masih belum cukup dan boleh diagihkan kampus-kampus ini di negeri-negeri yang masih belum lagi membangun. Tetapi saya ucapkan terima kasih dan tahniah kerana cukup gembira, tidak adalah kegembiraan saya selain dari berita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira di dalam dunia ini, satu sewaktu saya kahwin dahulu, kedua bila saya mendengar berita ini, kedua-dua ini sama dia punya kegembiraan. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Berita apa itu? Berita yang kedua itu apa?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Apa dia, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Berita yang kedua itu apa dia?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Berita yang kedua bila dengar ITM sudah boleh berfungsi sebagai sebuah universiti. Sebab kalau bercakap dari segi perjuangan bangsa, ia tidak boleh lari daripada ilmu. Kemiskinan tidak boleh dihapus dengan kebendaan, sebab itu lagi banyak benda, manusia lagi banyak jadi miskin. Miskin dari segi akal budi, miskin dari segi jiwa, tamak haloba - tetapi ilmu ini. Tuan Yang di-Pertua bersetuju sahaja dengan saya. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Kalau tidak setuju cakap tak setuju! Jadi, saya cakap perkara ini. Maknanya ilmu dan inilah yang boleh meningkatkan kedudukan taraf kaum bumiputera. Sebab itu saya cukup seronok, tak apalah saya dahulu buat silap dengan rakan-rakan dahulu, tunjuk perasaan, perkara yang sudah terjadi, hendak buat macam mana? Kalaulah tunjuk perasaan itu ada acara di Sukan Olimpik, saya rasa sayalah penerima 'gold medal', *[Ketawa]* sebab kalau tidak silap saya, yang paling banyak mengadakan tunjuk perasaan dan paling lama sayalah, 'gold medal'

kalau ada di Sukan Olimpik. Tetapi tak ada di Sukan Olimpik hendak buat macam mana?

Saya katakan tadi, saya gembira, saya cukup seronok. Saya cerita kepada anak saya, saya cukup seronok, saya buka balik surat-surat khabar dahulu, saya simpan paper cutting dahulu, saya cari gambar-gambar dahulu, saya tengok, sebab 'it is very touching', saya tak tahulah kepada rakan-rakan yang lain yang pernah daripada ITM, tetapi ia amat bermakna. Pada masa dahulu pun kita sudah bercakap, 20 tahun yang lalu, ini menyelamatkan foreign exchange, mutu kita telah meningkat pada waktu itu, program diploma boleh jalan, tak payah kita hantar lagi pelajar-pelajar pergi ke luar negeri, boleh belajar di sini, kita boleh bawa masuk pensyarah-pensyarah, tetapi mungkin kita bercakap dahulu kita mendahului masa.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya pernah membuka sekolah swasta, setelah saya keluar dari ITM, saya buka Kuala Lumpur Politeknik di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Waktu itu dasar pendidikan negara belum lagi dasar terbuka, tetapi saya act, hendak buat macam ITM. Saya pengusaha bumiputera pertama yang membuka sekolah macam ini. Akhirnya mati, sebab pada masa itu tidak ada sambutan. Kerajaan pun tidak beri galakan, tetapi saya sudah nampak. Kuala Lumpur Politeknik - tengok pada sejarahnya dahulu, saya buat dahulu di Wisma Kartika. Saya tidak pernah kerja dengan kerajaan. Saya ini berjuang bukan hanya bercakap, tetapi buat sekali. Hampir dekat-dekat hendak bankrap, hampir gagal, oleh sebab pada waktu itu dasar pendidikan kita bukan dasar terbuka. Hari-hari hendak kena saman, itulah, inilah. Tetapi saya tidak kisah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di mana Wisma Kartika itu?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Di Jalan Tuanku Abdul Rahman di depan pejabat Bangunan UMNO lama dahulu, saya buka satu cawangan di Kota Bharu. So I practice what I say, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya izinkan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Cakap banyak pun, cuma saya malas hendak tunjuk sahaja. *[Ketawa]*. Saya sudah cakap banyak di forum-forum antarabangsa, tetapi malas hendak tunjuk, kadang-kadang kelebihan kita itu kita kena simpan sedikit-sedikit. Bomoh punya cara, dia tidak boleh beri semua. Dia beri sedikit-sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di Bangsa-bangsa Bersatu pun ada bercakap?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ada. Di Bangsa-bangsa Bersatu saya bercakap di depan berpuluh dan beratus Ahli Parlimen shake-hand, rupa-rupanya sesudah bercakap itu dia bertukar, bola dia hendak shake-hand itu, tetapi bukan saya, sebab nama Malaysia harum, rupanya dia hormat Dr. Mahathir, bukan saya, saya dok ingat sayalah, rupanya Perdana Menteri kita. *[Ketawa]*. Itu suasananya di peringkat antarabangsa - kehebatannya.

Jadi, berbalik kepada ITM, bila diizin ITM boleh berfungsi sebagai sebuah universiti, saya harap kerajaan memberi kemudahan sokongan peruntukan, bukanlah hendak kata tidak ada had, tetapi lebih hebat lagi. Kampus cawangan ITM sudah diwujudkan di tiap-tiap negeri. Mana-mana negeri yang belum ada, kita harap dapat dipercepatkan dan program diploma terus dibuat seperti dahulu dan di samping itu dibuat program-program ijazah dan saya harap kursus-kursus yang diperbanyakkan ialah kursus-kursus yang kena dengan kehendak pasaran dari segi gunatenaga kerja. Saya harap School of Multimedia - belum ada lagi. ITM ini adalah institut teknologi yang semacam ini. Komputer Sains dahulu sudah berjaya, tetapi ini yang ada kena mengena dengan internet dan sebagainya. Kita latih anak-anak kita di pusat-pusat pengajian tinggi terutamanya di ITM.

Saya cukup gembira, saya betul-betul berterima kasih kepada Perdana Menteri, kepada Kabinet, kepada Menteri Pendidikan dan kalau dahulu kita buat salah, atas nama diri saya, saya minta maaf, tetapi walau macam manapun, itu perkara dahulu, tetapi kita nampak 20 tahun dahulu sebab mungkin kita bertindak, kita berjuang, kita mendahului masa, sebab itu kita nampak. Sebab itu kadang-kadang kanak-kanak ini kita jangan pandang rendah juga. Waktu cerita Singapura di Langgar Todak dahulu, ingat tidak dahulu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ingat.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Mana boleh tidak ingat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolonglah cerita, saya tidak tahu.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Cerita Singapura dilanggar Todak - Hang Nadim menasihati....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan, Hang Ibrahim!

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Bolehlah! *[Ketawa]* Pada waktu itu dia nasihat, bila todak melanggar Singapura, letak batang pisang untuk menangkis serangan todak - semua orang tidak terima pandangan itu, sebab pandangan Hang Nadim pada waktu itu mungkin mendahului masa. Tetapi walau macam manapun

saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan berterima kasih bagi pihak semua siswazah-siswazah ITM, sejak zaman RIDA, ITM sampai sekarang ini. Mungkin, insya-Allah saya kalau ada kesempatan dan keizinan dari Allah S.W.T mungkin hendak buat sedikit kenduri kesyukuran, hendak cari kawan-kawasan siswazah ITM, hendak membuat majlis ini, hendak menyatakan terima kasih yang tidak terhingga kita kepada kerajaan. Ada lagi masa?

**Tuan Yim Chee Chong:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Yim hendak minta penjelasan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Oh, boleh.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Ibrahim belum lagi habis, bukan?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Belum habis lagi. Saya akan habiskan cepat.

Perkara yang akhirnya, walaupun ada lagi perkara-perkara yang hendak disebutkan seperti hal Putrajaya dan macam-macam, tetapi satu, dua perkara tadi, sudah cukup saya bercakap, cuma yang akhir sekali saya hendak sentuh sedikit hal negeri Kelantan. Hal Kelantan ini, sebagai orang Kelantan, kalau tidak sentuh, tidak sah, sebab lebih-lebih lagi apa yang berlaku di Kelantan sekarang ini cukup gawat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Zain senyum sahaja, bila sebut tentang Kelantan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Dia senyum sebab dia pun hendak ikut saya. Dia sudah sama sekali dengan saya - sebab itu dia senyum. Saya hendak sebut di sini, memang keadaan di Kelantan cukup mencemaskan. Kerajaan negeri tidak berfungsi, kalau kita bercakap nanti orang kata kita bercakap politik, tetapi kerajaan negeri tidak berfungsi lagi. Krisis cukup hebat. Jadi, saya tidak payah mengulas dengan panjang sebab Ahli-ahli Dewan yang mulia ini pun baca surat khabar, tahu berita seumpamanya, cuma saya harap kalau boleh Kementerian Kewangan selagi mana krisis di Kelantan ini tidak selesai, apa-apa peruntukan yang ada, yang patut dibayar atau patut diberi tolong berhentikan dahulu - dengar tidak? Tolong hentikan dahulu. Kalau hantar pun, mereka tidak sempat hendak belanja, sibuk dok bergaduh.

Dalam televisyen hari-hari, orang itu kata orang ini, orang ini kata orang itu. Dahulu orang kata Ibrahim Ali kaki gaduh, rupanya ramai lagi yang kaki gaduh lebih buruk daripada saya. Saya hendak qualified dalam Dewan yang mulia ini. Meaning to say, sometimes I feel that I am better than others. [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak minta izin.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Buruk betul – bergaduh sahaja, orang ini tidak betul, orang itu tidak betul, hari-hari, sudah berbulan-bulan bergaduh. Cuma kita ini jenis yang tidak hipokrit, kita bercakap. Jadi, orang nampaklah kita buruk, orang lain dia tidak bercakap, tetapi bila sekali dia bergaduh, saya tengok dia punya tembelang, malu kepada anak cucu. Sebab itu kalau boleh, duit-duit dan segala peruntukan tidak usah beri. Tahun lepas kita beri kepada Yayasan Islam Kelantan – tengok prestasi sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan – tidak ada apa pun. Jadi markah politik, duit kita habis tetapi mereka tidak hargai. Begitu juga dengan lain-lain peruntukan – sehingga selesai masalah di Kelantan.

Saya tidak hendaklah bercakap-cakap, mengutuk-ngutuk – cukup dah. Hari ini pun orang sudah kenal siapa Nik Aziz, tidak payah lagi kita bercakap, cuma bezanya dengan kita, kita pakai suit, dia pakai baju Melayu, pakai kain pelikat, semutar – itu sahaja bezanya, lain tidak ada beza – pakaian sahaja. Bukan lagi beza ulama, tokoh ini, kita sudah tengok, bercakap dan sekarang ini berkrisis besar dengan pihak istana dan kita harap apa yang berlaku di Kelantan ini dapat diselesaikan oleh mereka yang bertanggungjawab dengan secepat mungkin. Sebab saya bimbang, walaupun nampaknya tenang, tetapi berdasarkan sejarah politik Kelantan, tenang itu bukan bererti tidak ada masalah, dia boleh meletup, macam-macam angkara boleh berlaku. Jadi saya harap janganlah ambil ringan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sempena dengan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan ini, saya hendak ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru-baru ini telah pun genap menjadi Perdana Menteri selama 15 tahun. [*Tepuk*]. Dan kita lihat, baru-baru ini Kabinet ada menganjurkan Majlis Kesyukuran yang dihadiri oleh semua pihak termasuk parti-parti pembangkang. Sememangnya tidak boleh dinafikan lagi Perdana Menteri kita telah mencipta rekod yang cukup luar biasa. Bukan soal lama beliau berkhidmat, dia tidak lama berkhidmat – 15 tahun tidak lama, dan kita doakan supaya panjang umur, sebab Presiden Suharto lagi lama – sudah hampir 30 tahun, Presiden China, tengok berapa lama. Jadi, kita harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh meneruskan kerjanya tetapi yang pentingnya ialah kejayaan.

Saya baca dalam *Asiaweek* baru-baru ini yang menamakan Dr. Mahathir di kalangan 4 orang yang terkemuka dan yang paling berpengaruh di Asia daripada 50 orang - di tangga yang ke 4. Di tangga yang pertama – China, negara China itu oleh

kerana jumlah rakyatnya ramai – 1 bilion, selepas itu Presiden Suharto - pun kerana jumlah rakyat, kita ini negara kecil – penduduk 20 juta, itu termasuklah yang baru lahir, yang kecil-kecil, yang kanak-kanak semua. Maknanya, sebuah pulau kecil dibandingkan dengan Indonesia dan sebuah pulau yang paling kecil kalau dibandingkan dengan sebuah pulau di negeri China, tetapi Perdana Menteri kita diletak di tangga yang keempat, orang yang paling berpengaruh, terkemuka dan dihormati. Kenapa? Sebab beliau adalah pemimpin yang “ buat serupa bercakap” – a consistence leader with what he preach. Kalau kita hendak berjaya, kita belajar. Sebab, kalau kita berpura-pura, hebat macam mana pun, kalau kita hidup dengan penuh kepura-puraan, kita tidak akan bertahan lama. Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, insya-Allah, akan dipanjangkan umur, boleh berkhidmat lagi lama untuk kemakmuran rakyat negara kita. Sekian, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Yim Chee Chong, sila.

**6.10 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1996 yang dibentangkan tadi. Tetapi saya ada beberapa perkara ingin membangkitkan untuk perhatian kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh dengan Maksud B.4 – Suruhanjaya Pilihanraya, dengan perbelanjaan RM11,280,000. Saya ingin mengatakan ‘returning officer’ ataupun pegawai pengurus dalam pilihan raya adalah sangat penting. Orang yang memainkan peranan penting dalam pilihan raya di negara kita. Tetapi saya telah bertemu dua orang pegawai pengurus yang tidak jujur dan pembohong. Pertama, pada tahun 1990, returning officer pada malam mengira undi, saya ada terima aduan dari agen kira undi yang mengatakan ada kertas undi Barisan Nasional tercampak dalam bakul DAP. Saya adu kepada pegawai pengurus, tetapi beliau sangat marah, dia kata ‘siapa cakap, tolong turun’. Reporter The New Straits Times, Mr. Leong ambil gambar bila saya kena marah. Kelemahan saya juga kerana saya senyum. Kena marah pun senyum juga. Saya menasihatkan saudara lain kali bila kena marah jangan senyum. *[Ketawa]* Itulah kekalahan saya dalam ‘election petition’ dalam tahun 1986, ketika saya jadi calon Barisan Nasional di kawasan Parlimen Seremban.



Kemudian, saya memfailkan 'election petition' di Mahkamah Tinggi Seremban, tetapi dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pegawai pengurus, sikapnya bukan memihak kepada Barisan Nasional. Saya tidak mahu orang yang memihak kepada apa parti, sungguh pun saya dari MCA, dari Barisan Nasional. Tetapi kita minta sikapnya 'neutral' jangan memihak ke mana-mana. Tetapi dalam perbicaraan, beliau memihak kepada DAP. Bukan sahaja begitu, tetapi juga bohong di Mahkamah Tinggi. Katanya kepada Tuan Hakim di Mahkamah Tinggi, 'saya tak ada halau dia, saya sangat sayang dia, saya minta dia jangan susah hati, cuba satu kali lagi'. Mana ada cakap macam itu. Kemudian, Tuan Hakim kata, 'saya ada tunjuk gambar yang diambil oleh reporter'. Saya kata, 'ini gambar yang saya kena halau dari pentas malam itu.' Saya kena marah, kena halau. Tetapi Tuan Hakim kata, 'tengok gambar ini, Mr. Yim senyum.' *[Ketawa]* Peguam bagi pihak Dr. Chen Man Hin, Pengerusi DAP berkata, 'you see Mr. Yim is laughing, he is smiling, how come kena marah?' katanya.

Jadi, saya ingin buat report polis. Saya kata pegawai pengurus bohong di Mahkamah Tinggi. Tetapi peguam saya kata, 'no good Mr. Yim, seorang lawyer buat polis report, janganlah.' Jadi, saya pun tidak buat laporan polis. Akhirnya, keputusan mahkamah yang mengatakan saya bohong di mahkamah, orang yang membohong itu kata, 'ini yang cakap betul.' Jadi petition election saya itu kena tolak. Saya minta kira semula undi sahaja. Sebab pada hemat kami masa itu Barisan Nasional sudah menang dalam kawasan Parlimen Seremban, tetapi kena tolak. Kena tolak tidak mengapa, tetapi saya kena bayar kos berapa banyak Dr. Chen Man Hin punya lawyer hantar satu bilangan kepada Mahkamah Tinggi dan salinan kepada saya, 'cost of litigation'. Legal fees'nya ataupun bayaran guamannya adalah sebanyak RM128,000, ph, sungguh tinggi tuntutan itu. Kes ini sedang lawan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Saya minta kurangkan RM5,000 sahaja. Pihak AG Chamber minta RM10,000 sebab AG Chamber adalah bagi pihak pegawai pengurus yang election petition saya kena tolak, saya kena bayar kos juga kepada AG Chamber. Mula-mula hantar surat minta RM10,000, dua kali minta. Kemudian saya jumpa Federal Counsel, kata saya bagi Barisan Nasional, saya hendak tolong government. Bukan apa, kita minta kira semula sahaja, undi kena tolak. Kita yang cakap benar tetapi dia kata bohong. Mana justice? Kadang-kadang di mahkamah pun tidak ada justice, saya katakan. Saya sebagai seorang lawyer, saya berani mengatakan ada majistret yang tidak adil dan saksama untuk membuat keputusan kes-kesnya.

Kemudian dia setuju RM10,000 diturunkan hingga RM5,000. Saya minta bayaran ansuran sebab saya bukan orang kaya. Dia kata, tak mengapalah bayaran ansuran. Jadi, kes ini sekarang lawan dengan peguam DAP yang minta RM100,000 lebih. Kes ini akan dibuat keputusan pada 12hb. depan. Pada hemat saya, SPR mungkin juga terima hujah saya dari RM128,000 sampai diturunkan sampai RM5,000 sahaja. Yang saya sebut kes ini adalah kerana kejujuran returning officer yang tidak memihak kepada kerajaan, yang tidak memihak kepada Barisan Nasional. Kita minta supaya Suruhanjaya Pilihanraya akan melantik pegawai pengurus yang adil dan saksama, yang neutral sikapnya, jangan memihak kepada mana-mana sahaja.

Bukan sahaja ini, saya ingin mengatakan bahawa pada pilihan raya tahun 1978. Masa itu kawan saya dalam MCA minta tolongnya. Ada yang masuk calon Parlimen dan ada juga yang masuk jadi state, ADUN, minta saya tolongnya. Saya kata, saya mahu tolong sebab kawasan Seremban adalah kawasan Cina, orang Cina majoriti. Saya katakan, kalau saya tolong MCA atau Barisan Nasional, saya mahu masuk calon jadi calon Bebas. Masa itu saya hendak berunding. Ada calon bebas untuk menolong Barisan Nasional. Ketika saya submit nomination paper saya, tetapi 'disqualified' oleh pegawai pengurus. Dia tolak penamaan calon saya. Katanya, beliau sudah bincang dengan Penasihat Undang-undang Negeri dan buat keputusan menolak borang penamaan calon saya.

Alasannya tidak ada diberitahu, tetapi pada kami, kawasan Parlimen dan kawasan Negeri adalah menggunakan sejenis form yang sama, dalam kawasan Parlimen saya tidak ada potong, negeri tak potong, ini understood. Dalam kawasan negeri saya tidak potong Malaysia atau Parlimen, dia kata ini disqualified. Tetapi kawan saya deformation formnya sama juga, tetapi diterima, Yang Berhormat saya punya kena tolak. Kena tolak, sebab returning officer dia bohong kepada kami, yang mengatakan saya sudah bincang dengan penasihat undang-undang negeri. Jadi, pada keesokan harinya, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Mahkamah Tinggi Seremban, saya jumpa dengan penasihat undang-undang negeri, saya tanya, "apa sebab Tuan Yang Arif menolak penamaan calon saya?" Dia kata, "tidak ada, returning officer tidak berbincang dengan saya" oh, kata saya, "kalau begitu, ini adalah bermakna returning officer bohong kepada kami, dua kali bohong".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Suruhanjaya pilihanraya, ini adalah seruan saya, menyeru pihak berkuasa supaya pada pilihanraya yang akan

datang, tolong melantik orang yang adil dan saksama, orang yang neutral menjadi returning officer.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini adalah tentang Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri . Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat memerintah, selamat menjadi Perdana Menteri negara kita, lagi dia sihat iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Hari ini saya baca paper, ini paper Cina, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat, saya sahaja yang tahu. Ini paper Nanyang Siang Pau. Pagi-pagi saya hendak baca paper, saya ada baca Nanyang Siang Pau hari ini, ada....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tapi, saya tengok muka depan paper itu pemain badminton sahaja.

**Tuan Yim Chee Chong:** Oh, main badmintonkah? Ada juga. Malaysia kalah dan saya belum baca lagi [*Ketawa*]. Ini badminton ada juga. Macam-macam lah. Ha... ini badminton, ada ya. Ini Nanyang Siang Pau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Yim, Tuan Haji Abu Bakar minta penjelasan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan untuk meminta penjelasan dari Yang Berhormat Yim. Tadi Yang Berhormat kata paper itu Yang Berhormat sahaja yang tahu, adakah bermakna Yang Berhormat-Yang Berhormat dari kaum Cina yang lain tak tahu, tak faham?

**Tuan Yim Chee Chong:** Ini minta maaf, dia orang lagi faham daripada saya [*Ketawa*]. Sebab sekarang saya bawa, ini paper dia orang tak tahu, sebab dia orang tak baca lagi. Nanyang hari ini, paper semua memuji Dr. Mahathir yang menjadi Perdana Menteri Malaysia selama 15 tahun. Ini adalah pemimpin besar yang bijaksana, yang berkhidmat untuk nusa dan bangsa. Mereka berdoa semoga Dr. Mahathir terus menjadi Perdana Menteri di negara kita ini. Ini Nanyang Siang Pau [*Tepuk*]. Saya harap juga suatu hari kelak, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, Dato' Seri Anwar Ibrahim pun jadi Perdana Menteri Malaysia [*Tepuk*] [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, sekarang adalah berkenaan dengan peruntukan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa dia, apa dia?

**Tuan Yim Chee Chong:** Peruntukan ahli Senator, dulu tak ada peruntukan, sekarang ini kita ada peruntukan sebanyak RM100,000 satu tahun sahaja, bukan seratus tahun, jangan salah faham. Dulu saya jadi Ahli Parlimen, peruntukan saya tiap-tiap tahun RM300,000. Sekarang kalau RM100,000 satu term, bermakna satu

tahun RM33,000 sahaja. Jadi, RM100,000 untuk satu term, pada hemat saya dan pada pandangan saudara-saudara adalah tidak mencukupi. Kalau untuk projek-projek, satu projek pun RM100,000 lebih. Tahun yang lalu semasa saya menjadi Ahli Parlimen Seremban, sebanyak 120 permohonan yang saya submit kepada pihak berkuasa. Kalau 120 permohonan RM100,000 tak cukup.

Oleh hal yang demikian, saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara pada petang ini memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya menimbang tuntutan kita dari RM100,000 satu term hingga satu tahun RM100,000. Harap permintaan ini akan dapat diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita ada peruntukan, semua orang datang, sebab ada wang, ini pengalaman saya jadi Ahli Parlimen. Ini adalah bermakna peruntukan ini merapatkan perhubungan di antara Senator dengan rakyat jelata. Betulkah atau tidak *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, Tuan Yim, kalau tidak ada wang, tidak boleh rapat hubungan di antara satu sama lain?

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya, ini orang praktikal macam itu *[Ketawa]*. Ada wang, itu wang pun berguna juga, sebab ada wang kita boleh tolong persatuan-persatuan, boleh tolong sekolah, PIBG, boleh tolong masjid, surau. *[Ketawa]* Saya ada beri banyak peruntukan kepada surau, masjid, tanya orang-orang Seremban. Semua orang kata Yim orang baik *[Ketawa]*. Sekarang RM100,000 tiga tahun, RM33,000 saya ingat, dulu dia dapat RM10,000, RM5,000 sekarang dapat RM500 sahaja. Kurang sangat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ialah mengenai dengan Maksud B.36, Polis Diraja Malaysia. Polis Diraja Malaysia ialah pasukan polis yang berdisiplin, cekap, bersih ada yang tidak bersih dan amanah. Macam lawyer juga, ya! Betul, ada yang makan suap, polis banyak juga, saya tahu, siapa-siapa, saya tahu juga. *[Ketawa]* Negara kita, pasukan polis adalah berdisiplin. Sepuluh tahun dahulu, ketika saya menuntut di England iaitu Bachelor of Politic, 3 years full time...

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak kali dah maklumat ini diberitahu *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya, betul. Profesor-profesor politik dalam syarahannya mengatakan, the third war politic. Dia kata, di India, ada kawan dari bangsa India, minta maaf ya, Yang Berhormat Marimuthu minta maaf. Dia kata di negeri India, polis yang tidak boleh dipercayai, katanya orang putih kata di London.

Minta maaf [*Ketawa*] Ini orang India keturunan India [*Ketawa*]. Ini bukan di India, ini di Malaysia, minta maaf, sebab ini profesor politik, ucapannya, dia cakap dan bersyarah macam itu. Dia kata....,

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Marimuthu a/l Nadeson ...

**Tuan Marimuthu a/l Nadeson:** Bantahan, Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Yim Chee Chong:** Ini negeri India.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Malaysia.

**Tuan Yim Chee Chong:** Masyarakat India. Politis di India.

**Tuan Marimuthu a/l Nadeson:** Ulang lagi.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya?

**Tuan Marimuthu a/l Nadeson:** Ulang lagi.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ha?

**Tuan Marimuthu a/l Nadeson:** Polis?

**Tuan Yim Chee Chong:** Apa itu?

**Tuan Marimuthu a/l Nadeson:** Ulang lagi, macam mana...

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Repeat.

**Tuan Yim Chee Chong:** Oh repeat, oh ya, tak terang, saya terangkan [*Ketawa*] sebab berkenaan dengan masyarakat India juga, di India bukan di Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini profesor di England cakap.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ini profesor di England mengatakan, tentang politik di India, dia cakap pasal pasukan polis di India. Dia kata pasukan polis di India tidak boleh dipercayai sebab banyak kaum wanita kena rogol oleh perogol. Buat laporan di balai polis India, orang di balai polis juga rogol perempuan itu, oh nak buat laporan pun kena rogol [*Ketawa*]. Ini kes, dia kata, beribu-ribu kes berlaku di India. Ini adalah pasukan polis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, macam inilah, Tuan Yim, seronok ucapan Tuan Yim itu, jadi saya beri peluang sambung pada esok hari. [*Ketawa*]

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**

